

"DARIPADA Othman bin Affan katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Barang siapa yang berwuduk, kemudian dia menyempurnakan wuduknya, maka keluarlah dosa-dosa dari jasadnya hingga dari kuku-kukunya".  
- (Riwayat Al-Imam Muslim).

## UPACARA MELETAKKAN KALUNGAN BUNGA DI TUGU PERINGATAN BRUNEI-AUSTRALIA



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**MUARA**, Selasa, 14 April. - Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP memulakan Lawatan Kerja ke Negara Brunei Darussalam dengan Upacara Meletakkan Kalungan Bunga di Tugu Peringatan Brunei-Australia di Pantai Muara sebagai penghormatan kepada jasa dan pengorbanan tentera Australia dan pihak bersekutu semasa Perang Dunia Kedua.

Ketibaan Perdana Menteri Australia di Pantai Muara dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

>> Muka 3

**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP semasa berada di Tugu Peringatan Brunei-Australia di Pantai Muara bagi Upacara Meletakkan Kalungan Bunga.  
- Foto : Mohammad Hasif Matzin.



## Berita Utama



**MENYUMBANG** kepada pembangunan komuniti melalui perkongsian ilmu

Muka 8



**51 pelajar cemerlang SMB** diraikan

Muka 12



**SENTIASA** pantau hal ehwal kebajikan pekerja

Muka 19



**BERMULA** minat bela haiwan, cetus idea buka mini zoo Ladang Beribi

Muka 20

## Kepentingan kerjasama memperkukuh infrastruktur, daya saing ASEAN

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN dan Gabenor Bank Pusat Ke-13 (13th AFMGM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan telah diadakan dari 7 hingga 10 April 2026 secara maya di bawah Kepengerusian Filipina bagi tahun 2026 yang bertemakan 'Menavigasi Masa Depan Kita, Bersama'.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad dan Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu.

Siri mesyuarat tersebut bermula dengan dialog antara Menteri-menteri Kewangan ASEAN dan Gabenor Bank Pusat ASEAN bersama institusi kewangan antarabangsa, iaitu Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kumpulan Bank Dunia (WBG) dan Bank Pembangunan Asia (ADB) serta majlis pemiagaan serantau seperti Majlis Penasihat Pemiagaan ASEAN (ASEAN-BAC), Majlis Pemiagaan Kesatuan Eropah-ASEAN (EU-ABC) dan Majlis Pemiagaan Amerika Syarikat-ASEAN (US-ABC).

>> Muka 8

## 2 buku baharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan dilancarkan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 April. - Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) hari ini melancarkan dua buah buku baharu bertajuk 'Ayat-Ayat Al-Qur'an Selaku Ruqyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh (Buku 2)' dan 'Perang Kastila dan Ugama: Satu Analisa'.

Buku 'Ayat-Ayat Al-Qur'an Selaku Ruqyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh (Buku 2)' antara lain merangkumi ayat Al-Quran sebagai ruqyah (jampi) bagi mengubat atau merawat sesuatu penyakit. Di samping itu, buku ini juga menentang kelebihan Air Zam-Zam sebagai penawar dan penyembuh penyakit.

Manakala Buku 'Perang Kastila dan

Ugama : Satu Analisa' merupakan sebuah karya berteraskan sejarah dan pemikiran penulisnya yang bukan sekadar menjejaki sejarah peperangan (Perang Kastila) tetapi cuba mengangkat peristiwa itu sebagai medan pertembungan tamadun, kuasa asing yang kuat dengan kekuatan pegangan dan akidah agama seorang raja dengan jati diri seluruh rakyatnya.

Analisa yang disampaikan dalam buku ini memberi gambaran jelas bagaimana agama itu (Islam) bukan sahaja berperanan sebagai pegangan rohani tetapi juga sebagai sumber kekuatan dalam mempertahankan nilai, jati diri dan identiti bangsa.

>> Muka 4

## 20 saudara baharu terima Tambang Haji

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Seramai 20 saudara baharu (muaf) yang terpilih dan memenuhi syarat telah dikurniakan Tambang Haji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menunaikan ibadat Fardu Haji bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Setiap seorang menerima tambang sebanyak BND4,500 mengikut kadar yang diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Dalam pada itu, Majlis Ugama Islam

Brunei telah mengeluarkan agihan wang zakat asnaf muaf berjumlah BND341,400 yang meliputi pembayaran sebanyak BND286,900 kepada Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd, dan BND14,500 kepada Syarikat Pelancongan dan Pengembaraan Al-Hijrah Sdn. Bhd. bagi mencukupkan bayaran Pakej Haji yang diikuti oleh 20 saudara baharu berkenaan serta agihan kewangan sebanyak BND2,000 bagi perbelanjaan persendirian (wang saku) turut diberikan kepada setiap seorang daripada mereka.

>> Muka 5

# Warisan alam sebagai amanah, tanggungjawab bersama

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**S**EGALA puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya telah membolehkan kita hadir untuk pembukaan Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB BGIC) Ke-21.

Pertama sekali, saya amat berbesar hati dapat bersama awda semua pada hari ini. Saya amat berharap dapat menyaksikan kehadiran delegasi pelajar yang berkumpul di sini di setiap BGIC. Sepanjang dua dekad yang lalu, saya telah menyaksikan satu projek pendidikan yang bercita-cita tinggi berkembang menjadi tradisi yang berkekalan.

Dalam sesetengah budaya, usia 21 tahun melambangkan kedewasaan dan sesi ini mencerminkan satu visi yang telah mencapai kematangan sepenuhnya. Kehadiran wakil daripada lebih 20 buah sekolah, sama ada dari dalam mahupun luar negara, menunjukkan keluasan legasi kepimpinan yang sedang diwariskan pada hari ini. Hakikatnya bahawa platform ini kekal diterajui oleh pelajar merupakan bukti kematangan yang kita raikan.

Para perwakilan di sini memberikan semangat generasi baharu, satu tujuan, bersedia untuk berinteraksi dengan dunia dengan jelas dan bijaksana. Fokus persidangan pada tahun ini ialah Sustainable Development Goal Number 7 - 'Affordable and Clean Energy' adalah teras kepada masa depan kita. Di Negara Brunei

Darussalam, identiti kita berkait rapat dengan warisan semula jadi kita.

Kita sangat berbangga dengan alam sekitar yang telah diamanahkan kepada kita untuk dipelihara, agar ia terus terpelihara untuk generasi akan datang. Dalam budaya dan kepercayaan kita, kita sentiasa memahami bahawa warisan ini adalah satu 'amanah'.

Ini bermakna ia adalah kepercayaan. Sumber-sumber kita bukan sekadar untuk digunakan sesuka hati tetapi di bawah jagaan kita demi generasi yang akan datang. Aspirasi negara kita seperti yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035, serta kerangka Ekonomi Hijau kita.

Peralihan ke arah amalan yang lebih lestari dan tenaga yang lebih mampan merupakan satu keutamaan negara yang penting. Ia adalah komitmen untuk memastikan kemajuan kita kekal selaras dengan warisan kita. Dengan membahaskan objektif ini, para perwakilan sedang meneroka bagaimana kita dapat menjamin penyelesaian tenaga lestari untuk semua sambil kekal setia pada peranan kita sebagai penjaga alam sekitar.

Rasa tanggungjawab ini melangkaui sempadan negara. Cabaran tenaga dan alam sekitar tidak mengenal batasan kerana kita semua hidup dalam satu dunia yang dikongsi bersama, di mana setiap keputusan yang dibuat pada satu tempat memberi kesan kepada semua.

Ini adalah kebimbangan manusia bersama yang memerlukan kita bekerjasama dengan sabar dan semangat persefahaman yang sebenar. Sepanjang

perbahasan yang akan berlangsung, saya menggalakkan semua peserta untuk menyuarakan pandangan dengan penuh keyakinan, dalam masa yang sama kekal terbuka menerima perspektif orang lain.

Kerana kepimpinan sejati bukanlah terletak pada berdiri sendiri tetapi pada keupayaan untuk mendengar dan melangkah maju bersama. Inilah sifat-sifat yang akan mempersiapkan kita semua dalam memikul tanggungjawab pada masa hadapan.

Acara sebesar ini adalah hasil usaha seluruh negara. Saya merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri atas sokongan berterusan mereka terhadap pemimpin muda kita.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada Suruhanjaya Tinggi Australia dan Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam atas sokongan berharga terhadap tema tahun ini. Kepada rakan kongsi dan penaja industri, sumbangan awda merupakan pelaburan penting dalam potensi belia kita.

Saya mengucapkan terima kasih atas komitmen awda terhadap persidangan ini tahun demi tahun. Kepada perwakilan pelajar, sila gunakan beberapa hari ini untuk belajar antara satu sama lain dan mengambil iktibar daripada pengajaran dunia sebenar yang berkaitan dengan keselamatan tenaga global.

Biarlah perbincangan awda dipandu oleh akal dan keprihatinan sebenar terhadap komuniti global kita. Sehubungan itu,



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB BGIC) Ke-21 Tahun 2026 pada Sabtu, 11 April 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Hajah Musmariani Haji Mohamed

dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan ini merasmikan ISB BGIC Ke-21.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	RABU	26	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.30	6.27	7.37
16	KHAMIS	27	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	JUMAAT	28	4.44	4.54	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
18	SABTU	29	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
19	AHAD	1 ZULKAEDA	4.43	4.53	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
20	ISNIN	2	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27	7.37
21	SELASA	3	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 33 26 °C	33 26 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar 33 26 °C	33 26 °C	34 26 °C	
Pekan Tutong 33 26 °C	33 26 °C	34 26 °C	
Kuala Belait 33 26 °C	33 26 °C	34 26 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 15 APRIL 2026

### Kasihi, jaga anak yatim dengan ihsan

**I**SLAM adalah agama yang prihatin dan menyayangi anak yatim. Sesungguhnya menyantuni anak yatim bukanlah satu beban, sebaliknya ia adalah satu peluang, peluang untuk menjadi tangan yang menyapu air mata mereka, peluang untuk menjadi bahu tempat mereka bersandar dan peluang untuk menjadi insan yang mengembalikan semula senyuman pada wajah mereka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri telah menyampaikan dalam hadis Baginda tentang kedudukan yang mulia di syurga bagi sesiapa yang menjaga anak yatim. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan penjaga itu adalah seperti dua jari ini di dalam syurga. Malik (periwayat hadis) mengisyratkan dengan jari telunjuk dan jari hantu". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Demikian antara inti pati Khutbah Jumaat yang lalu, menekankan kepentingan mengasihi dan menjaga anak-anak yatim dengan ihsan. Sesungguhnya kasih sayang terhadap mereka bukan sekadar amalan mulia, malah ia adalah satu tuntutan agama yang disebut secara jelas dalam Al-Quran. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83 yang tafsirnya : "Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin".

Perlu diketahui, bahawa menyantuni anak-anak yatim tidak bererti kita perlu menjadi penjaga mereka atau mengambil mereka sebagai anak angkat. Kita masih boleh membawa harapan dan kebahagiaan dalam hidup mereka melalui pelbagai cara.

Sehubungan itu, bersedekah merupakan salah satu cara untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan dan yang memerlukan bantuan seperti golongan fakir dan miskin, termasuklah juga anak-anak yatim. Agama Islam sangat mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan anak-anak yatim. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengambil berat terhadap anak-anak yatim lebih-lebih lagi orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim tersebut.

Selain itu, kita juga diperintahkan untuk bersikap lemah lembut dan berbuat baik kepada anak yatim. Sesungguhnya ganjaran yang diberikan terhadap perlakuan baik kepada mereka amat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Adapun salah satu daripada perlakuan baik terhadap anak yatim itu ialah dengan menghulurkan bantuan kepada mereka lebih-lebih lagi bagi anak-anak yatim yang hidup susah dan tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya.

Sesungguhnya anak-anak yatim mungkin telah kehilangan seorang insan bergelar ayah tetapi kehadiran kita sebagai masyarakat yang berjiwa rahmah mampu menjadi cahaya yang menyinari dan mewarnai kehidupan mereka dengan kasih sayang.

Oleh yang demikian, dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, setiap langkah kita dalam membantu dan menyantuni mereka boleh menjadi asbab Allah Subhanahu Wata'ala membuka pintu syurga buat kita semua. – **Ketua Penyuntingan (Hs)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Upacara Meletakkan Kalungan Bunga di Tugu Peringatan Brunei-Australia



**KETIBAAN** Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP di Pantai Muara dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (kiri sekali), sementara gambar kiri, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Menteri Pengiring; dan Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Senator the Honourable Penny Wong semasa meletakkan kalungan bunga.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1  
Acara dimulakan dengan meletakkan kalungan bunga oleh Perdana Menteri Australia bersama Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Senator the Honourable Penny Wong; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II serta Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku Menteri Pengiring. Acara diteruskan dengan 'A Moment of Silence' dan seterusnya bergambar ramai. Tugu Peringatan Brunei-

Australia memperingati 127 orang askar Australia yang terkorban di Teluk Brunei semasa kempen ketenteraan pihak bersekutu yang membebaskan Borneo pada bulan-bulan terakhir Perang Dunia Kedua. Tugu peringatan perang tersebut

terletak di lokasi pendaratan askar Australia di Pantai Muara pada 10 Jun 1945. Lawatan ini menekankan usaha Kerajaan Australia untuk bekerjasama dengan rakan serantau bagi mengekalkan aliran dua hala bekalan tenaga, baja serta barangan penting yang lain. Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Michael Hoy dan Penasihat Pertahanan Australia ke NBD, Letenan Kolonel Paul Michael Sanderson.

## PM AUSTRALIA TIBA DI NBD BAGI LAWATAN KERJA

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Menteri Pengiring, dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II hadir mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas kiri dan atas).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 14 April. - Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP serta rombongan tiba di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Lawatan Kerja yang berlangsung selama dua hari pada 14 hingga 15 April 2026. Sejurus ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini, Perdana Menteri Australia, diberi penghormatan dengan Barisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Ketibaan Perdana Menteri Australia dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku Menteri Pengiring; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin. Menyertai rombongan Perdana Menteri Australia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Senator the Honourable Penny Wong; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Hoy; Secretary of the

Department of the Prime Minister and Cabinet, Dr. Steven Kennedy PSM; Principal Adviser, International, Office of the Prime Minister, Rod Hilton; Deputy Secretary, South and Southeast Asia Group, Department of Foreign Affairs and Trade, Michelle Chan; dan First Assistant Secretary, International Division, Department of the Prime Minister and Cabinet, Dr. Lauren Bain. Hubungan rapat NBD dan Australia telah lama terjalin sejak bulan Mei 1984, di mana kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam bidang perdagangan dan pelaburan, tenaga, akuakultur dan pertanian serta pertahanan.

جائزہ فرانتھن ایکنومی دان سٹاتیسٹیک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAL PENGIRANG  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

**Fikir sebelum beli**

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# 2 BUKU BAHARU TERBITAN JABATAN MUFTI KERAJAAN DILANCARKAN



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan (atas kiri dan atas kanan), manakala gambar bawah kiri, Pemangku Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman berlangsung di Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji



Hassanal Bolkiah, di sini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya berkata, 'Ayat-Ayat Al-Quran Selaku Ruqyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh (Buku 2)' sangat penting sebagai panduan kepada individu atau pasukan yang dikenal pasti untuk bertugas sebagai penyembuh dari segi kerohanian itu.

Mengupas mengenai Buku 'Perang Kastila dan Ugama : Satu Analisa' pula, Yang Berhormat menjelaskan, peristiwa sejarah Perang Kastila dijadikan simbol penting dalam membina semangat cinta negara. Walaupun Brunei mengalami kekalahan secara fizikal, peristiwa ini tetap dianggap memberi inspirasi patriotisme yang berterusan.

Menurut Yang Berhormat, penentangan terhadap penjajahan Sepanyol bukan sekadar politik, tetapi berasaskan agama yang

mana Brunei ketika itu sudah pun berpegang kepada sistem Melayu Islam Beraja (MIB), maka cubaan menyebarkan agama Kristian dianggap tidak wajar. Oleh itu, perjuangan berlaku untuk mempertahankan akidah dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berhormat menambah, walaupun kalah dari segi ketenteraan, Brunei dianggap 'menang' kerana mendapat pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala, selain dipimpin oleh raja yang beriman serta memiliki semangat patriotisme yang tinggi.

Majlis turut mendengarkan sesi bedah buku yang disampaikan oleh Timbalan Dekan, Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Dayang Hajah Hanan binti Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said serta Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis,

menyatakan bahawa kedua-dua buku ini saling melengkapi dalam membina masyarakat yang bertakwa, berdaulat serta sihat mental dan rohani.

"Adalah menjadi harapan, kehadiran dua buah buku ini akan memperkayakan lagi khazanah sumber rujukan kita. Pada kesempatan ini, peramba / kaola / saya ucapkan tahniah kepada kedua penulis dan seluruh warga kerja yang telah pun menyumbang kepada penerbitan kedua buku ini serta dedikasi dalam mendokumentasikan ilmu yang sangat berharga ini dan semoga usaha ini menjadi amal jariah yang berpanjangan dan diredai Allah jua.

"Semoga buku-buku terbitan ini menjadi rujukan kepada masyarakat agar mereka ingat kepada sejarah dan tidak hanyut di era moden tanpa pegangan yang kukuh," ujarnya.

Acara juga menyaksikan penyampaian wakaf buku oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pemangku Ketua Istibat, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mohammad Ahmad Roza bin Haji Daud sebelum menikmati jamuan.

Orang ramai yang berminat untuk memperoleh buku-buku terbaharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan ini bolehlah mendapatkannya di Kedai Buku Jabatan Mufti Kerajaan yang dijual dengan harga BND6 (Hard Cover) dan BND4 (Soft Cover) bagi Buku 'Ayat-Ayat Al-Qur'an Selaku Ruqyah (Jampi) dan Do'a Penyembuh (Buku 2)' manakala Buku 'Perang Kastila dan Ugama : Satu Analisa' dijual dengan harga BND7 (Hard Cover) dan BND6 (Soft Cover).

## Zahir nilai perpaduan, saling menghormati

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas SHENA hadir pada majlis berkenaan (kanan), sementara gambar atas, sebahagian daripada para hadirin pada majlis tersebut.

**GADONG**, Selasa, 14 April. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) pagi tadi menganjurkan sambutan Hari Raya Aidilfitri bertemakan 'Silaturahmi Syawal Bersama SHENA' bagi memperkukuh hubungan erat dengan para pihak berkepentingan, di

samping menghayati semangat Hari Raya Aidilfitri.

Majlis tersebut telah diserikan dengan kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku



menteri yang bertanggungjawab ke atas SHENA.

Turut hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, serta pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah SHENA, bersama jemputan dari pelbagai agensi kerajaan dan organisasi.

Majlis ini menghimpunkan

wakil-wakil daripada agensi kerajaan, rakan sektor swasta, pemain industri serta warga SHENA dalam suasana penuh kemesraan yang menzahirkan nilai perpaduan, kerjasama dan saling menghormati.

Sebagai acara tahunan, sambutan Syawal ini berfungsi sebagai platform penting untuk memperkukuh perkongsian strategik serta mempertegaskan

peranan SHENA dalam memajukan amalan tenaga yang mampan dan sihat di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga mencerminkan penghargaan terhadap sokongan dan kerjasama berterusan daripada para pihak berkepentingan dalam menjayakan agenda peralihan tenaga dan kelestarian negara.

# 20 SAUDARA BAHARU TERIMA TAMBANG HAJI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Bayaran Pakej Haji kepada Syarikat Pengendali Haji dan Penyampaian Agihan Wang Saku berkenaan (kiri dan bawah kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Sehubungan itu, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mengadakan Majlis Penyerahan Bayaran Pakej Haji kepada Syarikat Pengendali Haji dan Penyampaian Agihan Wang

Saku kepada 20 orang saudara baharu (muallaf) yang terpilih dan memenuhi syarat untuk mendapatkan Kurnia Tambang Haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam pada petang tadi bertempat di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir menyempurnakan penyerahan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Saudara-saudara baharu tersebut setiap seorang dikurniakan Tambang Haji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengikut kadar yang diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan, iaitu sebanyak BND4,500 seorang.

Setiap seorang turut dikurniakan agihan kewangan bagi mencukupkan bayaran Pakej Haji kendalian Syarikat-syarikat Pengendali Haji yang diikuti oleh asnaf muallaf untuk menunaikan Fardu Haji, iaitu berjumlah BND19,600 bagi jemaah yang mengikut


Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. dan BND19,000 bagi jemaah yang mengikut Syarikat Pelancongan dan Pengembaraan Al-Hijrah Sdn. Bhd. Agihan kewangan ini dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Muallaf.

Setiap seorang turut diberikan agihan kewangan sebanyak BND2,000 bagi perbelanjaan persendirian (wang saku). Agihan kewangan ini juga

diambil daripada Kumpulan Wang Zakat Asnaf Muallaf.

Semoga dengan Kurnia Tambang Haji dan Agihan Wang Zakat daripada Peruntukan Zakat Asnaf Muallaf ini akan dapat mengukuhkan lagi iman saudara-saudara baharu kita, di samping meningkatkan penghayatan mereka terhadap ajaran agama Islam dengan lebih sempurna.

Semoga mereka juga dapat melaksanakan ibadah haji dengan penuh kesabaran dan takwa serta sentiasa berada di bawah perlindungan, pemeliharaan serta keampunan Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya memperoleh haji yang mabrur.



## MPK Kasat adakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Oleh : Siti Rokiah Abdullah  
Foto : Ihsan Haji Erifin HMY

**KASAT**, Isnin, 13 April. - Dalam usaha mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung meriah di Kantin Dewan Muhibbah Kedai Kampung MPK Kasat.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; Ahli-ahli MPK Kasat, Biro Wanita MPK Kasat, penduduk kampung serta jempunan khas yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kasat, Guru-guru Sekolah Rendah Kasat dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru

(PIBG) sekolah berkenaan.

Pelbagai pengisian menarik telah diadakan bagi memeriahkan sambutan, antaranya sesi bergambar ramai, jamuan Hari Raya serta cabutan bertuah.

Sambutan ini bukan sahaja menjadi platform untuk meraikan Aidilfitri dalam suasana penuh kegembiraan, malah turut menyediakan ruang interaksi sosial yang mampu mengukuhkan hubungan kejiwaan dalam kalangan penduduk kampung.

Menurut wakil penganjur, penganjuran majlis seumpama ini diharapkan dapat terus menyemarakkan semangat bergotong-royong serta nilai kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Kampung Kasat, selaras dengan hasrat untuk membentuk komuniti yang harmoni, bersatu padu dan saling bekerjasama.



MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Kasat menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung meriah di Kantin Dewan Muhibbah Kedai Kampung MPK Kasat yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas.

# PERHIMPUNAN KELUARGA MERIAHKAN SAMBUTAN HARI RAYA



MAJLIS Perhimpunan Keluarga yang diadakan di Dewan Utama, Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

patuan, dangsanak', sepupu sepepat dan ahli keluarga lainnya.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Menurut Pengerusi Majlis dalam ucapannya menyatakan, sambutan ini dapat direalisasikan berkat sokongan dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli jawatankuasa dalam menghimpun dan merancang aktiviti berkebajikan ini.

"Memang bukan mudah untuk menyatukan idea atau pendapat masing-masing namun semua itu dapat diatasi dengan adanya sikap toleransi dan saling menerima pandangan," jelasnya. Acara dipenuhi dengan persembahan, lagu-lagu Hari Raya oleh ahli jawatankuasa majlis dan persembahan setiap generasi, kuiz dan cabutan nama-nama bertuah.

**Berita dan Foto : Ihsan Abidin Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Majlis Perhimpunan Keluarga bagi purih Generasi Allahyarhamah Dayang Damit binti Abdul Rahman dan Allahyarham Awang Safar bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Awang

Aminuddin telah diadakan di Dewan Utama, Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, baru-baru ini. Perhimpunan ini adalah acara tahunan dengan tajuk 'Jalinan Kasih Aidilfitri Generasi

Allahyarhamah Dayang Damit binti Abdul Rahman dan Allahyarham Awang Safar bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Awang Aminuddin Kali Ke-3'. Antara tujuan perhimpunan ini adalah untuk mengenali kedudukan tali persaudaraan melalui carta salasilah yang telah

dihasilkan di samping memupuk semangat kekeluargaan yang tinggi dengan mengekalkan rasa muhibah ahli keluarga. Sambutan pada tahun ini serai lebih 300 orang sanak saudara iaitu dari Generasi Ke-3 hingga Generasi Ke-8. Ia juga menjadi wadah pertemuan sesama 'indung

## Memperkuh ukhuwah, memupuk nilai murni sempena Aidilfitri

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkih**



MAJLIS diserikan dengan kehadiran Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) (atas), manakala gambar bawah, turut hadir, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung AJK Takmir MRSB.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Kampung Sungai Akar telah mengadakan Majlis Silaturahmi Hari Raya Aidilfitri yang

berlangsung dengan penuh meriah dan harmoni baru-baru ini bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkih (MRSB),



Kampung Sungai Akar.

Majlis berkenaan merupakan anjuran bersama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir MRSB serta Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Akar Kawasan 1 dan Kawasan 2 yang bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi dalam kalangan penduduk kampung serta memupuk semangat perpaduan sempena Hari Raya Aidilfitri.

Majlis diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Dayang Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Turut hadir, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung AJK Takmir MRSB, Penghulu Mukim Berakas, ketua-ketua kampung di kawasan berkenaan, jemaah serta penduduk Kampung Sungai Akar dan sekitarnya.

Sepanjang majlis, para hadirin berpeluang untuk beramah mesra, bertukar-tukar ucapan Hari Raya serta menikmati juadah yang disediakan dalam suasana penuh kekeluargaan.

Kehadiran pelbagai lapisan masyarakat, termasuk pemimpin dan penduduk setempat, jelas mencerminkan semangat kebersamaan dan keharmonian yang kukuh dalam komuniti.

Penganjuran majlis seperti berkenaan diharap akan terus menjadi platform penting dalam memperkuh ukhuwah, memupuk nilai-nilai murni serta mempererat hubungan antara masyarakat dan pemimpin setempat, selaras dengan semangat Aidilfitri yang menekankan keampunan, kesyukuran dan perpaduan.

## PUJA Brunei anjur Majlis Terbuka Hari Raya

**Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri, menghimpunkan ahli-ahli serta pihak berkepentingan utama dalam sektor persekitaran binaan dalam suasana penuh kemeriahan dan perpaduan.

Acara ini menjadi platform bagi ahli, profesional industri dan tetamu jemputan untuk mengeratkan hubungan sambil meraikan suasana perayaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohammad Salleh bersama pegawai kanan

daripada pelbagai kementerian kerajaan, serta wakil institusi pendidikan dan organisasi daripada sektor awam dan swasta.

PUJA Brunei turut diwakili oleh ahli-ahli daripada bahagian Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan, yang mencerminkan komitmen organisasi dalam memupuk kerjasama rentas disiplin serta penglibatan profesional dalam industri.

Diadakan sempena Sambutan Hari Raya, Majlis Rumah Terbuka ini menekankan kepentingan komuniti, keterangkuman dan nilai-nilai bersama dalam kalangan profesional sektor pembinaan dan persekitaran binaan.

Acara ini juga mencerminkan usaha berterusan PUJA Brunei dalam menggalakkan penglibatan dalam kalangan ahlinya serta menyokong persekitaran profesional yang kolaboratif dan inklusif di Negara Brunei Darussalam.



**PERTUBUHAN Ukur, Jurutera dan Arkitek Brunei** semasa menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri yang turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

# PKWE DAERAH TUTONG RAIKAN HARI RAYA



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Warna Warni Berhari Raya 1447 Hijrah/2026 Masihi yang telah berlangsung di Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Tutong (atas dan kanan), manakala gambar bawah kanan, antara hadirin pada majlis berkenaan.

**TUTONG**, Selasa, 14 April. - Dalam usaha untuk mengukuhkan semangat silaturahmi dalam kalangan warga emas serta masyarakat setempat, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong pagi tadi menganjurkan Majlis Warna Warni Berhari Raya 1447 Hijrah/2026 Masihi, yang berlangsung di pusat berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Pengurus PKWE Daerah Tutong, Awang Haji Hamaffi bin Md. Yassin dalam ucapannya menjelaskan majlis berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk meraikan

kemenangan selepas sebulan berpuasa, bahkan menjadi wadah tahunan mengeratkan hubungan silaturahmi serta membesarkan hari-hari kebesaran Islam di Negara Brunei Darussalam.

Dalam ucapannya, beliau turut menyentuh objektif penubuhan PKWE Negara Brunei Darussalam, antaranya menggalakkan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak melalui pendekatan Whole Of Nation - iaitu strategi kolaborasi menyeluruh melibatkan kerajaan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian, dan seluruh rakyat bagi menangani isu kompleks serta mencapai matlamat pembangunan negara. "Alhamdulillah, PKWE Daerah

Tutong telah berjaya berkolaborasi dengan beberapa institusi pengajian, golongan beliawanis, dan lainnya untuk sama-sama meladeni masyarakat.

"Mereka yang berganding bahu dengan PKWE Daerah Tutong dikenali sebagai 'Rakan Senada Kasih', iaitu salah satu projek anjuran PKWE Tutong," tambahnya lagi.

Majlis berkenaan bukan sahaja mempamerkan kegembiraan menyambut Hari Raya, malah menjadi bukti bahawa warga emas terus relevan dan proaktif dalam membina jalinan sosial serta komuniti penyayang di bawah naungan semangat kebersamaan seluruh rakyat dan penduduk Brunei.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



## Ke arah mencapai kecemerlangan pengurusan masjid



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian sijil (kiri dan atas), manakala gambar bawah, antara yang mengikuti bengkel tersebut.

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

#### Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

#### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

**TUTONG**, Selasa, 14 April. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong dengan kerjasama Bahagian Imarsh, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Bengkel Pelan Strategik bagi masjid-masjid, surau dan balai ibadat.

Bengkel tersebut diadakan selama dua hari di masjid berkenaan dan berakhir petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Bengkel yang disertai oleh wakil daripada 12 buah masjid terpilih dari seluruh negara ini bertujuan untuk merangka program serta inisiatif yang lebih tersusun dan sistematik ke arah mencapai kecemerlangan pengurusan masjid di seluruh negara. Antara objektif penganjuran

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

bengkel ini adalah untuk memperkasa pengurusan masjid secara lebih berkesan melalui penambahbaikan kemudahan, penerapan teknologi serta inovasi, di samping pelaksanaan program keagamaan dan kebajikan yang berkualiti.

Selain itu, bengkel ini juga bertujuan meningkatkan penglibatan jemaah dan memperkukuh kerjasama strategik dalam usaha menjadikan masjid sebagai institusi contoh yang cemerlang dan berpengaruh dalam masyarakat.



# MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN KOMUNITI MELALUI PERKONGSIAN ILMU

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**TUNGKU LINK**, Isnin, 13 April. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Print Plus Sendirian Berhad (Print Plus) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi reka bentuk, percetakan dan pembekalan Mushaf UTB A5 (Edisi Wakaf) sebagai langkah ke arah memperkukuh program akademik, kerohanian serta komuniti.

Majlis Penandatanganan MoU berkenaan berlangsung di Bilik Persidangan Utama UTB.

Perjanjian berkenaan dimeterai oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah

Zohrah binti Haji Sulaiman; dan Pengurus Besar Print Plus, Awang Muhammad Reeda bin Haji Malik.

Penandatanganan MoU berkenaan disaksikan oleh Pendaftar dan Setiausaha UTB, Lim Chui Hua serta Ketua Jualan dan Pemasaran Print Plus, Awang Haji Aylwin bin Alimin.

Kerjasama berkenaan mewujudkan satu rangka kerja yang jelas meliputi terma komersial, spesifikasi teknikal, penetapan harga serta pengaturan operasi bagi memastikan pelaksanaan Mushaf UTB (Edisi Wakaf) berjalan lancar.

Melalui kerjasama berkenaan,

kedua-dua pihak berhasrat untuk meningkatkan akses kepada Al-Quran bagi para pelajar dan masyarakat umum, di samping menyokong inisiatif pengajaran, pembelajaran dan pembangunan kerohanian di universiti berkenaan.

Inisiatif berkenaan juga dijangka dapat menggalakkan budaya memberi melalui wakaf serta mewujudkan impak berpanjangan yang melangkaui lingkungan UTB.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah dalam ucapan alu-aluannya berkata, Mushaf Wakaf UTB merupakan sebahagian daripada inisiatif Sambutan Ulang Tahun UTB Ke-40 dan bertujuan untuk memberikan peluang kepada individu dan organisasi untuk menyumbang ke arah penyediaan dan pengagihan Mushaf Al-Quran UTB ke masjid-masjid, surau-surau, sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi serta masyarakat di seluruh negara.

"Melalui usaha ini, inisiatif tersebut menyokong pengayaan pendidikan, penglibatan keagamaan dan kesejahteraan masyarakat," ujarnya.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah seterusnya menambah, kerjasama dengan Print Plus memainkan peranan penting dalam merealisasikan inisiatif murni berkenaan.

Melalui kepakaran dalam percetakan dan pengeluaran berkualiti tinggi jelas Datin Paduka



**PENANDATANGANAN MoU** berkenaan dimeterai oleh Naib Canselor UTB dan Pengurus Besar Print Plus, Awang Muhammad Reeda bin Haji Malik (atas dan kiri).

Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah lagi, Print Plus akan menyokong penyediaan Mushaf UTB serta memastikan hasil akhir mencerminkan kecemerlangan, ketepatan dan penghormatan tertinggi terhadap kitab suci itu.

"Justeru, kerjasama ini melambangkan sinergi yang bermakna antara visi institusi dan keupayaan industri," ujar Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah lagi.

Sementara itu, Awang Muhammad Reeda pula menzahirkan rasa berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan UTB dalam melaksanakan inisiatif berkenaan dan komited untuk

menghasilkan Mushaf yang memenuhi piawaian tertinggi dari segi kualiti dan tujuan.

"Di Print Plus, kami percaya percetakan bukan sekadar penghasilan, tetapi juga usaha memelihara ilmu dan mencipta impak," ujarnya.

Kerjasama antara UTB dan Print Plus berkenaan dijangka memperkukuh hubungan kerjasama antara institusi dan industri, selain membuka peluang kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif bersama pada masa hadapan serta menyumbang kepada pembangunan komuniti yang mampan melalui perkongsian ilmu dan usaha wakaf.

## Keentingan kerjasama memperkukuh infrastruktur, daya saing ASEAN

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Foto : Ihsan Sekretariat ASEAN

>> Muka 1

Timbalan Menteri Kewangan dan Timbalan Gabenor Bank Pusat ASEAN juga telah mengadakan pertemuan dengan wakil Perbendaharaan Amerika Syarikat dan Perbendaharaan Australia serta dengan Majlis Perniagaan UK-ASEAN dan TheCityUK.

Penglibatan luaran ini memberi tumpuan kepada inisiatif bersama serta sokongan rakan-rakan strategik untuk memperkukuh kerjasama serantau ASEAN dalam menangani cabaran pelbagai dimensi serta merealisasikan peluang, bagi memastikan ketahanan ekonomi jangka panjang dan kemampanan.

Pada AFMGM Ke-13, dalam menyambut keutamaan Kepengerusan ASEAN Filipina bagi tahun 2026, para Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat menghargai kemajuan yang telah dicapai serta membincangkan bidang-bidang kerjasama termasuk pembangunan pasaran modal, kewangan mampan, kesalinghubungan pembayaran serantau dan inisiatif lain di bawah Pelan Hala Tuju Integrasi Kewangan dan Monetari ASEAN serta proses AFMGM.

Semasa mesyuarat tersebut, Awang Haji Asrul Adrain antara lain menyatakan penghargaan kepada Republik Filipina atas kepimpinannya sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2026 serta mengalu-alukan inisiatif kewangan di bawah keutamaan hasil ekonomi tahun ini.

Dalam memajukan keutamaan ini, Negara Brunei Darussalam menantikan kesinambungan dialog dasar, pembelajaran bersama serta penglibatan yang lebih luas dengan rakan luar ASEAN dan sektor



**NEGARA** Brunei Darussalam diwakili oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN dan Gabenor Bank Pusat Ke-13 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang diadakan dari 7 hingga 10 April 2026 secara maya.

swasta

Beliau juga menghargai kemajuan dalam kerjasama kewangan ASEAN termasuk ASEAN Single Window, Forum Perbendaharaan ASEAN, serta pembangunan infrastruktur ASEAN melalui Dana Infrastruktur ASEAN.

Sehubungan itu, pengukuhan penglibatan bagi menjamin kesalinghubungan perdagangan dan rantaian bekalan; pengarusperdanaan inisiatif tindakan iklim; serta penyelarasan yang lebih terfokus

antara landasan kewangan dan jawatankuasa sektor lain seperti kesihatan, pengurusan risiko bencana dan keselamatan makanan turut ditekankan.

Beliau juga mengiktiraf sumbangan kerjasama serantau terhadap keutamaan domestik Negara Brunei Darussalam dan seterusnya berkongsi tumpuan belanjawan negara yang memberi penekanan kepada pengukuhan kestabilan fiskal dan tadbir urus, memperkasa ekonomi melalui transformasi dan inovasi; serta

memastikan kemampanan sosial dan pembangunan masa depan; dan mengalu-alukan pengukuhan sokongan daripada IMF, WBG dan ADB dalam menggerakkan sumber, menyediakan nasihat dasar serta menyampaikan perkongsian pengetahuan yang disasarkan.

Kerjasama sedemikian amat penting dalam merapatkan jurang infrastruktur, meningkatkan daya saing ASEAN dan merangsang pembangunan sosioekonomi.

# NNLR ANJUR SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



**TUTONG**, Isnin, 13 April. - Kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih terus diraikan oleh pelbagai pihak walaupun bulan Syawal hampir sampai ke penghujungnya.

Sehubungan itu, Persatuan Penunggang Motosikal N.E.W Tanpa Had (NNLR) turut mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung baru-baru ini di Dewan Kemasyarakatan Tanjong Maya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis berkenaan dihadiri oleh lebih 50 Ahli NNLR dan ahli-ahli keluarga persatuan yang bertujuan bagi mengeratkan lagi silaturahim antara para ahli persatuan berkenaan.

Terdahulu itu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis.

Seterusnya, majlis dimeriahkan lagi dengan sesi ramah mesra dan persembahan daripada Ahli-ahli NNLR dan kemudian diteruskan dengan penyampaian baju rasmi NNLR Tri-Nation Ride 2026 kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Tutong menyampaikan baju rasmi NNLR Tri-Nation Ride 2026 kepada para peserta (atas), manakala gambar atas kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

kehormat majlis.

Ekspedisi NNLR Tri-Nation Ride 2026 melibatkan penyertaan lapan penunggang motosikal yang akan menempuh perjalanan sejauh kira-kira 5,000 kilometer merentasi tiga buah negara, iaitu Negara Brunei Darussalam (NBD), Malaysia dan Thailand dalam tempoh 20 hari bermula pada 16 April

2026.

Sebagai sebahagian daripada perancangan ekspedisi, motosikal yang berdaftar di NBD akan diterbangkan ke Kuala Lumpur, Malaysia sebagai titik permulaan perjalanan darat sebelum para peserta meneruskan ekspedisi ke beberapa destinasi utama di Malaysia dan Thailand.

## PKWE Daerah Belait anjur Majlis Ramah Mesra Aidilfitri



**ANTARA** yang hadir pada Majlis Ramah Mesra di Restoran Serikandi Liang Lumut Recreational Club.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Belait

**BELAIT**, Isnin, 13 April. - Sesuai dengan tema majlis, iaitu Majlis Ramah Mesra pada bulan Syawal dengan semangat Aidilfitri yang bertujuan bagi mengumpulkan Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Belait untuk merayakan kemenangan melawan hawa nafsu dan menahan lapar dahaga sepanjang berpuasa di bulan Ramadan.

Majlis berkenaan telah diadakan di Restoran Serikandi Liang Lumut Recreational Club (LLRC).

Di samping itu, para ahli juga berkesempatan bermaaf-maafan melupakan segala kesalahfahaman sepanjang pergaulan agar kemesraan terus kekal sekali gus mengeratkan silaturahim serta memperteguhkan PKWE berkenaan.

Pengurus PKWE Daerah Belait, Awang Haji Othman bin Abd. Rahman dalam ucapan alu-aluannya berkata, acara berkenaan adalah salah satu acara tahunan PKWE Daerah Belait dan ia bagi menunjukkan kerjasama dan kesepakatan sesama ahli dalam menjalankan sesuatu kegiatan.

Jelasnya lagi, ia penting bagi ahli-ahli menikmati suasana Aidilfitri setelah diisi dengan pelbagai aktiviti harian sepanjang tahun selain memperlihatkan kepada masyarakat bahawa PKWE berkenaan bukan hanya sekadar nama tetapi diisikan dengan segala kegiatan yang bermanfaat.

"Sebahagian masyarakat baharu mengetahui adanya kegiatan-kegiatan seperti ini di PKWE antara lain seperti mengadakan pembelajaran Al-Quran termasuk melancarkan bacaan secara bertajwid, iaitu sebutan makhraj huruf dan hukum-hukum bacaan. Dan setakat ini, ramai yang berminat untuk menjadi ahli," ujarnya lagi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Persembahan Selawat, nasyid dan berbalas pantun daripada Ahli-ahli PKWE Daerah Belait.

Pihak pengurusan mengharapkan semua ahli yang menyertai majlis berkenaan akan terus bergiat aktif dalam mengikuti aktiviti yang diadakan oleh PKWE Daerah Belait kerana ia memberi keuntungan kepada mereka bagi menambahkan pengetahuan mengenai amal ibadat dan persediaan bekalan amalan ke alam baka.

## Meningkatkan semangat perpaduan, kerjasama Alumni SM SMJA 75'

Berita dan Foto : Ihsan Sheikh Abdullah Yahya, Haji Mohamad Adam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Bagi mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan silaturahim, Alumni Pengambilan Pertama Aliran Inggeris Sekolah Menengah Sultan Jamalul Alam (SMJA) 1975 baru-baru ini mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri buat kali kelapan yang berlangsung di Seaworld Neptune Restaurant Mulaut, Jalan Mulaut / Limau Manis.

Majlis berkenaan menyaksikan bekas pelajar-pelajar SM SMJA 75' berkenaan terdiri daripada lepasan pelajar-pelajarnya, lepasan sekolah-sekolah rendah atau Sekolah Persediaan Inggeris

(Brunei Preparatory School - BPS) Daerah Brunei dan Muara, iaitu BPS Kilanas, BPS Sengkurong, BPS Pengkalan Batu, BPS SOAS dan BPS Bangar dari Daerah Temburong.

Acara dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Awang Haji Japparudin bin Haji Noordin yang antara lain menyatakan majlis yang diadakan buat kali kelapan berkenaan merupakan kesinambungan aktiviti tahunan sejak alumni berkenaan ditubuhkan pada 2016.

Tujuan utama majlis berkenaan

adalah untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kerjasama di samping mengeratkan, merapatkan dan meningkatkan hubungan yang sedia ada serta mensyukuri nikmat pemberian kesihatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dipertemukan lagi pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis berkenaan turut diisikan dengan pelbagai acara antaranya ucapan khusus Hari Raya, ucapan bebas atau saranan khusus berhubung kumpulan Alumni SM SMJA 75'.

Majlis juga dimeriahkan lagi dengan sesi pertukaran hadiah dan cenderamata di antara bekas pelajar-pelajar SM SMJA 75'.



**ALUMNI** Pengambilan Pertama Aliran Inggeris Sekolah Menengah Sultan Jamalul Alam 1975 baru-baru ini mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri buat kali kelapan.

# Haji Kanak-Kanak : Adakah Tertunai Haji Fardhu?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**HUKUM** menunaikan ibadah haji adalah wajib sekali seumur hidup bagi orang-orang yang memenuhi syarat-syarat wajib haji iaitu Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan.

Sekalipun ibadah haji hanya diwajibkan ke atas orang-orang yang memenuhi syarat-syarat wajib haji, namun terdapat juga golongan yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut yang mengerjakan. Antara golongan tersebut ialah kanak-kanak yang belum mencapai usia baligh.

Persoalan yang timbul mengenai ibadah haji kanak-kanak yang belum mencapai usia baligh ini ialah adakah haji kanak-kanak tersebut sah dan menggugurkan haji fardhu bagi dirinya?

Syarat sah ibadah haji hanya satu iaitu hendaklah orang yang mengerjakannya itu beragama Islam. Oleh yang demikian, ibadah haji kanak-kanak yang belum baligh, sama ada sudah berkhatan atau belum berkhatan, mumayyiz atau belum mumayyiz, adalah sah dan dia tetap mendapat pahala ibadah hajinya itu.

Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* berkata :

**Maksudnya :** Seorang wanita telah mengangkat anak kecilnya (dari tempat duduknya) lalu dia berkata : *Wahai Rasulullah, adakah (sah) haji bagi (anak kecil) ini? Baginda menjawab : Ya, dan bagimu pula pahala (kerana usaha dan*

*penat lelahnya membantu dan membimbing anaknya melaksanakan ibadah haji).*

(Hadits riwayat Muslim)

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Minhaj* Fi Syarh Shahih Muslim ketika mensyarah hadits di atas berkata :

**Ertinya :** *Dalamnya (hadits ini) merupakan hujjah bagi (Imam) asy-Syafi'i, (Imam) Malik, (Imam) Ahmad dan jumhur ulama bahawa haji kanak-kanak (yang belum baligh) adalah terlaksana, sah lagi diberi pahala ke atasnya sekalipun ia tidak memadai untuk (menggugurkan) haji fardhu, bahkan ia dikira sebagai haji sunat dan hadits ini adalah jelas mengenainya.*

Dari penjelasan di atas, dapat difahami bahawa ibadah haji yang dikerjakan kanak-kanak yang belum baligh adalah sah dan dia mendapat pahala ibadah hajinya itu. Walau bagaimanapun, ia tidak menggugurkan haji fardhu baginya kerana hajinya itu dikira sebagai haji sunat sahaja. Oleh yang demikian, apabila dia baligh dan memenuhi syarat-syarat wajib haji yang lain, dia wajib mengerjakan haji fardhu tersebut.

## Kanak-Kanak Baligh Ketika Mengerjakan Haji

Terdapat beberapa keadaan yang menentukan sama ada haji fardhu tertunai atau sebaliknya bagi kanak-kanak yang mencapai usia baligh ketika mengerjakannya. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'* membahagikan permasalahan kanak-kanak yang baligh setelah berihram haji kepada empat keadaan :

(i) Baligh setelah selesai mengerjakan haji.

Kanak-kanak yang baligh setelah selesai mengerjakan haji adalah tidak tertunai haji fardhu bagi dirinya. Haji yang dikerjakannya itu menjadi haji sunat sahaja dan wajib ke atasnya mengerjakannya setelah dia memenuhi syarat-syarat wajib haji.

(ii) Baligh selepas habis waktu wuquf di 'Arafah, tetapi belum selesai mengerjakan haji.

Waktu wuquf bermula dengan tergelincir matahari pada 9 Zulhijjah dan berakhir apabila terbit fajar hari *an-Nahr* pada 10 Zulhijjah. Wuquf di 'Arafah merupakan rukun haji yang paling utama. Sekiranya wuquf luput, maka tidak terlaksana ibadah haji.

Kanak-kanak yang baligh sebelum selesai mengerjakan haji, tetapi dia hanya mencapai usia baligh selepas habis waktu wuquf di 'Arafah, contohnya dia mencapai usia baligh pada 11 Zulhijjah, adalah tidak tertunai haji fardhu bagi dirinya. Hal ini menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* adalah sama seperti makmum yang terlepas raka'at sembahyang kerana tidak sempat ruku' bersama imam. Haji yang dikerjakannya itu menjadi haji sunat dan wajib ke atasnya mengerjakannya setelah dia memenuhi semua syarat wajib haji.

(iii) Baligh sebelum wuquf di 'Arafah atau ketika mengerjakan wuquf.

Kanak-kanak yang baligh sebelum wuquf di 'Arafah atau ketika sedang mengerjakan wuquf, maka haji yang dikerjakannya ketika itu dikira sebagai haji fardhu kerana dia telah memenuhi syarat baligh. Maka dengan yang demikian, haji fardhu bagi dirinya adalah tertunai.

(iv) Kanak-kanak yang sudah keluar dari 'Arafah setelah mengerjakan wuquf dan dia baligh sebelum terbit fajar hari *an-Nahr*.

Dalam keadaan ini, adakah kanak-kanak tersebut wajib kembali semula ke 'Arafah?

Menurut Imam Ibn Qasim *Rahimahullah*, memandangkan kanak-kanak itu telah memulakan ibadah hajinya dalam keadaan dia belum mukallaf, maka tidak wajib ke atas kanak-kanak tersebut untuk kembali semula ke 'Arafah. Namun jika dia kembali semula ke 'Arafah ketika waktu wuquf masih ada, iaitu dia kembali semula ke 'Arafah sebelum terbit fajar hari *an-Nahr* (10 Zulhijjah), dia dikira sudah melaksanakan haji fardhu yang diwajibkan ke atasnya sepertimana halnya kanak-kanak yang baligh ketika sedang mengerjakan wuquf. Maka dengan yang demikian, haji fardhu bagi dirinya adalah tertunai.

Sekiranya dia tidak kembali semula ke 'Arafah, maka tidak tertunai haji fardhu yang tertanggung ke atasnya. Haji yang dikerjakannya itu menjadi haji sunat dan



**IRSYAD HUKUM**

جائز في معرفة كل جان  
جان فزان مني كل يوم والصلوات

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
E-mail : [fatwa@mufti.gov.bn](mailto:fatwa@mufti.gov.bn) - [info@mufti.gov.bn](mailto:info@mufti.gov.bn)

wajib ke atasnya mengerjakannya setelah dia memenuhi syarat-syarat wajib haji.

Menurut Imam al-Isnawi *Rahimahullah*, sekiranya sebelum dia kembali semula ke 'Arafah itu dia telah melakukan thawaf (*ifadhah*) atau telah memotong rambut (*berthallul*), maka dia wajib mengulangi thawaf *ifadhah* atau memotong rambut setelah dia selesai mengulangi wuquf supaya dia melaksanakan kesemuanya itu dalam keadaan sempurna (sudah baligh). Sekiranya dia tidak mengulangnya setelah dia selesai mengulangi wuquf, maka tidak tertunai haji fardhu bagi dirinya dan wajib ke atasnya mengerjakannya setelah dia memenuhi syarat-syarat wajib haji.

Bagi keadaan (iii) dan (iv) yang disebut di atas, kanak-kanak yang mencapai usia baligh itu tidak perlu berniat ihram semula. Hal ini kerana ihram yang dilakukannya sebelum itu masih sah dan berterusan selepas baligh.

Dari penjelasan di atas dapat difahami bahawa ibadah haji kanak-kanak hanya akan menjadi haji fardhu sekiranya kanak-kanak itu sempat mengerjakan wuquf di 'Arafah dalam keadaan baligh, sama ada dia baligh sebelum wuquf atau semasa wuquf. Ibadah haji kanak-kanak juga akan menjadi haji fardhu sekiranya kanak-kanak itu mencapai usia baligh selepas keluar dari 'Arafah namun dia sempat kembali semula ke 'Arafah untuk mengerjakan wuquf sebelum terbit fajar hari *an-Nahr*. Dengan yang demikian, haji fardhu bagi kanak-kanak tersebut tertunai.

Sekiranya, jika dia tidak sempat mengerjakan wuquf di 'Arafah dalam keadaan baligh, maka haji yang dikerjakannya itu menjadi haji sunat sahaja dan dia tetap mendapat pahalanya. Walau bagaimanapun, haji fardhu masih tertanggung ke atasnya dan dia wajib mengerjakannya setelah dia memenuhi syarat-syarat wajib haji.

**DARI penjelasan di atas dapat difahami bahawa ibadah haji kanak-kanak hanya akan menjadi haji fardhu sekiranya kanak-kanak itu sempat mengerjakan wuquf di 'Arafah dalam keadaan baligh, sama ada dia baligh sebelum wuquf atau semasa wuquf. Ibadah haji kanak-kanak juga akan menjadi haji fardhu sekiranya kanak-kanak itu mencapai usia baligh selepas keluar dari 'Arafah namun dia sempat kembali semula ke 'Arafah untuk mengerjakan wuquf sebelum terbit fajar hari an-Nahr. Dengan yang demikian, haji fardhu bagi kanak-kanak tersebut tertunai.**

**Sebaliknya, jika dia tidak sempat mengerjakan wuquf di 'Arafah dalam keadaan baligh, maka haji yang dikerjakannya itu menjadi haji sunat sahaja dan dia tetap mendapat pahalanya. Walau bagaimanapun, haji fardhu masih tertanggung ke atasnya dan dia wajib mengerjakannya setelah dia memenuhi syarat-syarat wajib haji.**

## منوجو كريضاءن الله

### MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

**ISLAM** adalah agama yang menyeru umatnya kepada persamaan taraf antara manusia tanpa membezakan warna kulit, bangsa, etnik dan keturunan. Islam mengiktiraf semua manusia adalah sama kecuali yang membezakannya adalah takwa.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 13, mafhumnya :

"Wahai manusia! Sesungguhnya, Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya, Allah Maha

Mengetahui lagi Maha Teliti".

Islam melarang umatnya berbangga dengan keturunan dan bangsa secara berlebihan sebagaimana terdapat golongan tertentu yang mengangap keturunan mereka lebih mulia daripada keturunan yang lain, namun Islam menegaskan bahawa kemuliaan seseorang di sisi Allah Subhanahu Wata'ala diukur berdasarkan ketakwaan dan keimanannya.

Islam juga amat melarang umatnya melakukan sebarang bentuk penghinaan atau diskriminasi disebabkan perbezaan keturunan atau warna kulit, lebih-lebih lagi terhadap sesama Islam sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 11, mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah

pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasik sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim".

Oleh itu, syariat Islam melarang umatnya memburuk-burukkan atau menyebarkan keaiban saudara sesama Islam bagi tujuan menghina dan menjatuhkan maruah mereka. Janganlah kita menjadi golongan terlibat dan menyokong perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dengan menyebarkan fitnah dan keaiban saudara seislam melalui media sosial, sebagaimana yang berleluasa pada masa sekarang.

Ingatlah, perbuatan tersebut termasuk salah satu kezaliman terhadap saudara seislam kita.

Fiman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 12, mafhumnya :

"Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani".

# Menghormati sesama Islam

# MANFAATKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI DALAM KEWANGAN DIGITAL

Oleh : Nooratihi Haji Abas  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



**PROFESOR** Pengurusan Perniagaan (Kewangan dan Fintech), Universiti Teknologi Dresden, Profesor Dr. Lars Hornuf ketika menyampaikan ucapan (atas), sementara gambar atas kanan, antara yang hadir pada simposium tersebut.

**TUNGGU LINK**, Selasa, 14 April. – School of Business and Economics (SBE), Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi menganjurkan Simposium Teknologi Kewangan Generasi Akan Datang dan Reka Bentuk Pasaran 2026 bertempat di Bilik Senat, universiti berkenaan.

Simposium yang mengumpulkan sarjana terkemuka, pembuat dasar, dan pakar industri untuk meneliti bagaimana Kecerdasan Buatan (AI) telah mengubah sistem kewangan dan apa yang perlu berlaku seterusnya bagi memastikan perubahan tersebut selamat, adil, dan memberi manfaat.

Selain itu, membuka perbincangan mengenai apa makna perniagaan, pembuat dasar,

dan pengguna harian perkhidmatan kewangan.

Acara didahului dengan ucapan bertajuk 'GenAI dan Nasihat Kewangan' yang disampaikan oleh Profesor Pengurusan Perniagaan (Kewangan dan Fintech), Universiti Teknologi Dresden, Profesor Dr. Lars Hornuf yang juga pensyarah undangan di UBD, yang diiktiraf di peringkat antarabangsa atas penyelidikannya dalam bidang teknologi kewangan, kewangan digital, dan reka bentuk pasaran.

Program ini diisikan dengan sesi plenari bertajuk 'Apa yang Berlaku kepada Pasaran dan Organisasi Kewangan Apabila AI Diadaptasi?', yang meneroka implikasi pengambilan AI terhadap struktur pasaran, kecekapan dan kestabilan

kewangan.

Para panel terdiri daripada wakil akademik, industri, dan Bank Pusat Brunei Darussalam yang turut menyumbang kepada perbincangan mengenai cabaran regulatori, inovasi kewangan, dan peranan yang semakin berkembang dalam reka bentuk pasaran dalam persekitaran berasaskan AI.

Para panel terdiri daripada Profesor Ishaq Bhatti dari Perakaunan dan Kewangan, SBE UBD; Pengiran Haji Shahrulazmi bin Pengiran Haji Ismail dari Kumpulan Pengawalseliaan dan Pengawasan di Brunei Darussalam Central Bank; Angelo Calvito dari Ketua Wilayah Asia Pasifik di Northern Trust; dan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Pembayaran Digital Kebangsaan, Hafiz Haslen.

Perbincangan ini menumpukan kepada tema utama selepas impak AI terhadap struktur dan prestasi pasaran kewangan, pertimbangan regulatori dan pengawasan dalam kewangan digital, reka bentuk pasaran berkaitan ketelusan, keadilan, dan risiko sistemik serta tindak balas strategik institusi kewangan terhadap perubahan teknologi.

Secara keseluruhan, program ini mencerminkan komitmen berterusan UBD dalam memajukan penyelidikan dan dialog di persimpangan kewangan, teknologi, dan polisi.

Ia juga menyediakan platform untuk penglibatan antara akademik, pengawal selia, dan pemegang kepentingan industri dalam menangani cabaran dan peluang baharu dalam sektor kewangan.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati [www.sbe.ubd.edu.bn](http://www.sbe.ubd.edu.bn).



## Sung Baraya Basamo Muallaf wadah perpaduan, semai nilai dakwah Islam

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



**SEKITAR** atur cara majlis Sambutan Aidilfitri berkenaan di Dewan Serbaguna Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong di Kampung Lubok Pulau.

**TUTONG**, Selasa, 14 April. - Sung Baraya Basamo Muallaf mempamerkan perpaduan mereka yang beragama Islam dan yang belum memeluk Islam yang menjadikan Sambutan Aidilfitri itu satu platform ke arah mendekatkan lagi silaturahim dalam kalangan pelbagai puak terutama sekali di Daerah Tutong tersebut.

Demikian antara ucapan yang disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU), Awang Haji Hasbie Azrol bin Abdullah Liat selaku Pengerusi Bersama Majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna PESATU di Kampung Lubok Pulau, hari ini.

Menurut Awang Haji Hasbie Azrol, adanya Sambutan Hari Raya itu juga memperlihatkan secara lebih dekat bahawa muallaf itu tidak memilih bangsa dan puak malah mementingkan ikatan mesra dan perpaduan yang dijalin demi mencorak dan membentuk satu kehidupan yang baik dan harmoni sesama kita.

Jelasnya, adapun Sung Baraya Basamo Muallaf anjuran kerjasama Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan PESATU itu membawa maksud Mari kita Berhari Raya Bersama Muallaf dan seterusnya menzahirkan rasa syukur berikutan majlis tersebut diadakan di Dewan Serbaguna Bangunan PESATU yang baharu untuk kali ini.

Hadir menyerikan sambutan di sini ialah Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Hamdani bin Haji Othman.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Tenaga Pengajar Kelas Bimbingan Muallaf PESATU, Awang Muhammad Didi Sufian bin Haji Masri.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan cenderahati Pusat Da'wah Islamiah kepada jemputan terdiri daripada mereka yang non-Muslim.

Seterusnya majlis dimeriahkan dengan persembahan nyanyian lagu Hari Raya oleh Ahli PESATU sambil para jemputan disajikan dengan hidangan jamuan, diikuti menyaksikan pameran kraf tangan dan juga jualan Muallafpreneurs.

Turut hadir, Penghulu Mukim Tanjong Maya Tutong, Awang Mohammad Azaman Shah bin Haji Sahari; Pengarah Sekolah Chung Hwa, Awang Soon Seng Lee; Yang Dipertua Pakatan Sang Jati Dusun, Awang Johan bin Benson; ketua-ketua kampung di Daerah Tutong serta pegawai dan kakitangan Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong dan Ahli-ahli PESATU.

Majlis tersebut merupakan pertemuan muhibah yang menghimpunkan para muallaf dan masyarakat bukan Islam (non-Muslim) dalam suasana penuh harmoni dan kemesraan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Selain menjadi wadah untuk mengeratkan silaturahim dan memperkukuh persefahaman antara masyarakat, majlis seumpama ini juga berperanan sebagai medium dakwah dalam menyemai penghayatan nilai-nilai ajaran Islam melalui sambutan salah satu hari kebesaran agama Islam.

## Inisiatif 'Hands of Hope' dukung inklusiviti, komunikasi melalui bahasa isyarat



'HANDS of Hope' dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UBD dengan kerjasama Jari-JariKu Global bagi memberikan sokongan bermakna kepada komuniti pekak sambil meningkatkan kesedaran mengenai inklusiviti, aksesibiliti, dan komunikasi melalui bahasa isyarat.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Selasa, 14 April. - Majlis Perwakilan Pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UBD (SBESC) menganjurkan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) tahunan bertajuk 'Hands of Hope', dengan kerjasama Jari-JariKu Global, sebuah organisasi berpangkalan di negara ini yang memperjuangkan komuniti pekak.

Inisiatif ini terdiri daripada dua fasa: kempen kutipan sumbangan dari 30 Mac hingga 3 April 2026 di Bangunan SBE, diikuti dengan program penglibatan CSR dan bengkel bahasa isyarat pada 14

April 2026 di Jari-JariKu Global, Berakas.

Projek ini bertujuan untuk memberikan sokongan bermakna kepada komuniti pekak sambil meningkatkan kesedaran mengenai inklusiviti, aksesibiliti, dan komunikasi melalui bahasa isyarat.

Melalui kerjasama ini, para peserta memperoleh pendedahan praktikal terhadap amalan inklusif serta membangunkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman komuniti pekak.

Program CSR ini merangkumi bengkel bahasa isyarat berpandu yang dikendalikan oleh Jari-JariKu Global, sesi interaksi bersama kanak-kanak, serta penyampaian

barang sumbangan.

Di samping itu, inisiatif ini juga bertujuan untuk mewujudkan kerjasama jangka panjang antara UBDSBE dan Jari-JariKu Global bagi menyokong program jangkauan inklusif pada masa hadapan.

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 10, 11, dan 17, inisiatif ini turut mencerminkan komitmen UBDSBE dalam melahirkan graduan yang bertanggungjawab secara sosial, bukan sahaja memiliki kemahiran perniagaan tetapi juga empati, inklusiviti, dan kesedaran komuniti.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.sbe.ubd.edu.bn](http://www.sbe.ubd.edu.bn).

# 51 PELAJAR CEMERLANG SMB DIRAIKAN

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**PEMANGKU** Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas dan atas kanan), sementara gambar bawah kanan, seramai 51 pelajar Sekolah Menengah Berakas diraikan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang BC-GCE 'O' Level / IGCSE 2025.

**BERAKAS**, Isnin, 13 April. – Seramai 51 pelajar Sekolah Menengah Berakas (SMB) diraikan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang BC-GCE 'O' Level / IGCSE 2025, bertempat di Dewan Anggerek, sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan, serta ibu bapa penerima.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan perarakan masuk para pelajar yang diraikan yang diiringi dengan dikir dan tausyeh, diikuti dengan bacaan doa Syahidul Istighfar dan Selawat Tafriyyah.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Sufian bin Haji Suhaili,

disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Md. Nur Raufiq Shawqi bin Haji Sofian, pelajar Tahun 9D.

Pengetua SMB, Dayang Hajah Norshimah binti Haji Burut dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, majlis pada hari ini bukan sekadar satu acara penyampaian anugerah, tetapi merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha gigih, ketekunan serta komitmen tinggi yang telah ditunjukkan oleh para pelajar dalam mencapai kecemerlangan akademik.

Jelasnya lagi, peningkatan yang sangat membanggakan, iaitu sebanyak tujuh peratus adalah satu kejayaan yang signifikan dan mencerminkan kesungguhan semua pihak dalam memastikan kecemerlangan dapat dicapai.

Kejayaan ini tambahnya, sudah tentu tidak akan tercapai tanpa peranan dan sumbangan besar daripada para guru yang sentiasa komited, berdedikasi dan tidak jemu dalam mendidik serta membimbing pelajar.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis telah menyampaikan Anugerah Akademik Cemerlang, Set penuh BC-GCSE 'O' Level, Peningkatan Terbaik, Pelajar Terbaik 2025, sijil kepada guru-guru Tahun 11 (Sesi 2025), sijil kepada guru yang meraih A\* dan 100 peratus kredit dalam mata pelajaran.

Majlis diakhiri dengan doa penutup, diikuti dengan sesi bergambar ramai.



## MINDA PEMBACA

### Menyantuni anak yatim : Tanggungjawab bersama

**A**NAK yatim merupakan golongan yang kehilangan kasih sayang dan perlindungan daripada salah seorang atau kedua-dua ibu bapa. Kehilangan ini bukan sahaja memberi kesan dari segi emosi, malah turut menjejaskan perkembangan sosial dan ekonomi mereka. Oleh itu, menyantuni anak yatim bukanlah tanggungjawab individu tertentu sahaja tetapi merupakan tanggungjawab bersama seluruh masyarakat.

Sebagai anggota masyarakat yang

prihatin, kita harus memainkan peranan dalam memastikan kebajikan anak yatim sentiasa terpelihara. Bantuan boleh diberikan dalam pelbagai bentuk seperti sumbangan kewangan, keperluan harian serta sokongan emosi. Selain itu, institusi pendidikan dan organisasi kebajikan juga boleh menyediakan program pembangunan diri agar anak yatim berpeluang mencapai kejayaan dalam kehidupan.

Peranan keluarga angkat dan jiran tetangga juga amat penting dalam

membentuk persekitaran yang positif untuk anak-anak ini. Dengan memberikan perhatian, kasih sayang, dan dorongan, mereka dapat membesar dengan lebih yakin dan bersemangat. Sikap prihatin ini mampu mengurangkan rasa terpinggir yang mungkin dialami oleh anak yatim.

Kesimpulannya, menyantuni anak yatim adalah satu amalan mulia yang perlu dipupuk dalam masyarakat. Dengan kerjasama semua pihak, kita dapat membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih baik dan

sejahtera. Sikap empati dan keprihatinan yang ditunjukkan bukan sahaja memberi manfaat kepada anak yatim, malah turut membina masyarakat yang harmoni dan berperikemanusiaan.

Nama : Hafiz bin Ramli  
NO. K/P : 01-038XXX

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja'. Tarikh Tutup : 15 April 2026
2. 'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Moden'. Tarikh Tutup : 22 April 2026
3. 'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'. Tarikh Tutup : 29 April 2026

#### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# TINGKATKAN KEMAHIRAN TULISAN JAWI, MENJANA KEMAHIRAN BERFIKIR

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



SEKITAR Program Eksplorasi Melayu Islam Beraja 3.0 yang diadakan di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas, kanan dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Pusat Ilmu Teras dan Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) meneruskan lagi Program Eksplorasi Melayu Islam Beraja (MIB) 3.0 pagi tadi di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB). Seramai 102 pelajar Tahun 9 SM YSHHB menyertai program

berkenaan yang dilancarkan oleh Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB.

Dalam Program Eksplorasi ini, terdapat 10 perhentian (*checkpoint*) yang perlu dilalui oleh pelajar secara berkumpulan. 10 *checkpoint* ini mempunyai arahan, soalan serta penyelesaian masalah yang perlu dijawab, dilakukan dan diselesaikan oleh setiap kumpulan.

Setiap arahan, soalan mahupun penyelesaian masalah merangkumi elemen-elemen MIB di samping mengasah kemahiran pembacaan dan tulisan Jawi para peserta.

Setiap kumpulan perlu menyelesaikan semua *checkpoint* dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kumpulan Mukim Berakas telah merangkul tempat pertama dalam Program Eksplorasi tersebut. Manakala tempat kedua, Kumpulan Mukim Gadong dan tempat ketiga, Kumpulan Mukim Kianggeh.

Manakala Kumpulan Mukim Kuala Belait dan Kumpulan Mukim Pekan Tutong, masing-masing meraih tempat keempat dan kelima.

Adapun objektif program ini diadakan antara lain untuk meningkatkan kemahiran tulisan Jawi dengan mengintegrasikan kandungan MIB, di samping menjana kemahiran berfikir, membuat keputusan dan semangat berpasukan dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti yang diadakan.



## Memperkukuh keupayaan diagnostik makmal, meningkatkan standard keselamatan darah



PELANCARAN rasmi Ujian Penguatan Asid Nukleik menandakan satu peristiwa penting dalam memperkukuh keupayaan diagnostik makmal serta meningkatkan standard keselamatan darah di Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dengan bangganya mengumumkan pelancaran rasmi Ujian Penguatan Asid Nukleik (NAAT) hari ini, menandakan satu peristiwa penting dalam memperkukuh keupayaan diagnostik makmal serta meningkatkan standard keselamatan darah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis bersejarah berkenaan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Ahli Lembaga JPMC, Dayangku Hajah Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan sesi pengenalan sistem NAAT yang baharu.

NAAT, seperti yang digunakan oleh sistem cobas® 5800, merupakan kaedah ujian canggih yang mengesan bahan genetik virus (RNA/DNA) secara langsung dalam sampel darah penderita.

Selain daripada saringan konvensional berasaskan antibodi dan antigen, NAAT membolehkan pengesanan jangkitan pada peringkat yang lebih awal, iaitu sebelum tubuh menghasilkan antibodi atau antigen yang boleh dikesan.

Dengan membolehkan pengesanan lebih awal, teknologi berkenaan meningkatkan keselamatan pemindahan darah dan mengurangkan risiko jangkitan yang tidak dapat dikesan.

Ia juga meningkatkan sensitiviti saringan, menyokong pengenalpastian virus seperti HIV dan hepatitis dengan lebih tepat, sekali gus memastikan hasil rawatan yang lebih selamat bagi pesakit.

Menurut Pengurus Makmal Perunding di JPMC, Dr. Awang Haji Mohamad bin Haji Kassim, ini adalah mengenai darah yang lebih selamat untuk setiap pesakit. NAAT membolehkan kami mengesan jangkitan lebih awal dan mengurangkan risiko secara menyeluruh.

Pengenalan NAAT meningkatkan keupayaan diagnostik JPMC dengan membolehkan pengesanan yang lebih tepat dan cepat pada masanya, sambil melengkapi kaedah saringan sedia ada dan sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

Kemajuan berkenaan menyokong proses pemindahan darah yang lebih selamat dan memperkukuh komitmen JPMC untuk memberikan penjagaan yang berkualiti tinggi dan berpusatkan pesakit.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh pasukan pengurusan kanan JPMC, para profesional penjagaan kesihatan dan pihak berkepentingan utama, mencerminkan komitmen bersama untuk mempertingkatkan kecemerlangan diagnostik dan keselamatan pesakit.



## Pendedahan maklumat kerjaya dalam kalangan pelajar



KETUA Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin bergambar ramai pada Minggu Kerjaya Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan 2026.

Siaran Akhbar : Jabatan Sekolah-Sekolah  
Foto : Ihsan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) telah berjaya melancarkan Minggu Kerjaya MSPSBS 2026 dengan memperkenalkan program utamanya yang bertajuk 'Perjalanan Kerjaya : Jumpa Alumni Kami' bertempat di Auditorium maktab berkenaan.

Acara tersebut telah dirasmikan oleh tetamu kehormat, Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut ialah Pemangku Superintendent 2, Dayang Esma

Kartini binti Haji Emran; Penolong Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Dayang Hajah Ameerah Hannah binti Haji Abd. Rahim dan pegawai-pegawai dari Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Program 'Perjalanan Kerjaya: Jumpa Alumni Kami' ini direka khas untuk memberikan pendedahan bermakna kepada para pelajar maktab mengenai pelbagai laluan kerjaya dengan menghubungkan mereka secara langsung dengan alumni maktab terkemuka daripada pelbagai bidang profesional.

Para pelajar dari Tahun 7, 9, dan 13 telah menyertai perbincangan

berpandu yang interaktif bersama Alumni MSPSBS yang merangkumi pelbagai topik termasuk laluan akademik dan perkongsian pengalaman profesional sebenar dalam pelbagai sektor seperti kesihatan, kejuruteraan, undang-undang dan keselamatan siber, industri kreatif, perniagaan dan kewangan.

Pengetua MSPSBS, Pengiran Hajah Rahmah binti Pengiran Haji Abas, menzahirkan penghargaan yang mendalam kepada para alumni maktab kerana sudi kembali ke maktab asal mereka.

Beliau memuji kesediaan mereka untuk berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman profesional, dan nasihat berharga yang pastinya akan memberi inspirasi dan motivasi kepada para pelajar dalam meneroka aspirasi kerjaya masa depan mereka.

Semasa majlis pelancaran tersebut, Pengiran Hajah Rahmah turut menyampaikan tanda penghargaan kepada tetamu kehormat.

Sesi 'Perjalanan Kerjaya : Jumpa Alumni Kami' merupakan sebahagian daripada pengisian Minggu Kerjaya 2026 di MSPSBS yang lebih luas.

Aktiviti-aktiviti lain yang telah dirancang sepanjang bulan April termasuklah Ceramah biasiswa pendidikan tinggi, Permainan eksplorasi kerjaya. Pelaksanaan Program Futurelink - Connecting Higher Education, Scholarships and Employment Pathways yang melibatkan pelbagai institusi dan agensi.



**JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**1. Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 01 / 26 - 27  
Unit Drama TV: Perkhidmatan Penggambaran dan Penyuntingan Drama Bersiri (13 E X 30 MINS) dan Episode Hari Raya Aidilfitri (60 MIN X 2 EP)

**2. Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 03 / 26 - 27  
Unit Drama TV: Perkhidmatan Penggambaran dan Penyuntingan Drama One-Off Sepanjang Tahun 2026

**Bayaran Yuran**

(Termasuk e-dokumen):  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas:**

BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**

Rabu, 29 April 2026,  
jam 1.00 Petang



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

**1. Bilangan Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPS(E) /  
2026 - 2027  
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'E'

**2. Bilangan Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPS(K) /  
2026 - 2027  
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'K'

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H - 1448H / 2026M - 2027M

**Tarikh Tutup:**

Rabu,  
18 Zulkaedah 1447H /  
6 Mei 2026M



**JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**

JKP / SH / 2026 - 2027 / 01

**Tajuk Tawaran:**

"Event Management Services for BIMP-EAGA Seminar and JWG Bilateral Meeting, Brunei Darussalam, 1 - 2 July 2026"

**Yuran Tawaran:**

BND5.00  
(Tidak dikembalikan)  
Pembayaran adalah secara dalam talian

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Khamis,  
30 April 2026,  
jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Tajuk Sebut Harga:**

To Supply and Deliver Toner / Ink for Department Of Civil Aviation, Ministry Of Transport And Infocommunications:  
01 Year Contract

**Rujukan Sebut Harga:**

ADMIN / 2025-2026 / SH-03(R)

**Dokumen Sebut Harga Bolehlah**

**Diperoleh:**

Kaunter Seksyen Kewangan Aras Bawah Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam

**Nota:**

Waktu beroperasi:  
• Setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu (tutup pada Jumaat, Ahad & hari kelepasan awam)  
• 8.30 pagi hingga 11.00 pagi / 1.30 petang hingga 2.00 petang (Isnin-Khamis) / 8.30 pagi hingga 10.30 pagi (Sabtu).  
• Peserta hendaklah membawa kad pengenalan atau pasport yang sah.

**Harga Yuran Dokumen:**

BND5.00 setiap satu (01) dokumen sahaja (Yuran tidak akan dikembalikan)

**Tarikh Tutup Menghantar**

**Dokumen Sebut Harga:**  
Rabu,  
29 April 2026  
Jam 2.00 Petang

**Tajuk Tawaran:**

Satu [01] Tahun Perkhidmatan Pengawasan Keselamatan Bangunan-Bangunan dan Premis-Premis Jabatan Penerbangan Awam AVSEC / 2026 - 2027 / SH-03 (R)

**Tarikh Iklan / Mengambil**

**Dokumen Sebut Harga:**  
15 April 2026,  
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil**

**Dokumen Sebut Harga:**  
22 April 2026  
(Sebelum jam 10.00 pagi)

**Tarikh Tutup**

**Sebut Harga:**  
22 April 2026,  
Rabu

(Sebelum jam 2.00 petang)



**JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL DALAM NEGERI**

**Sebut Harga:**

JDB / 1.1 / 2026 /  
PERSEMBAHAN KHAS / A / 2026

**Nama Projek:**

Sebut Harga Bagi Pakej Pengendalian Persembahan Khas Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Bagi Daerah Belait Tahun 2026.

**Tarikh Tutup:**

Selasa,  
5 Mei 2026,  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran :**

MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /  
TA / GEN / 003  
[JPPK / LTK / 02 / 2026]

Three (3) Years Term Contract For The Operational Maintenance And Corrective Repair Works Of Housing Within Mindef Hiring Acomodations At Pangsa Idaman, Perumahan RIPAS and Seri Complex Flat

**Yuran Tawaran:**

BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen**

(MINDEF SOR 2019):  
(Tidak Dikembalikan)  
BND500.00 satu set  
(dalam bentuk CD)\*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 5 Mei 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**

19 Mei 2026 (Selasa)



**Rujukan Tawaran :**

MINDEF / DFA / FY2026 /  
ITAU / TA / GEN / 002  
[JPPK / LTK / 01 / 2026]

Three (3) Years Term Contract For The Operational Maintenance And Corrective Repair Works Of RBAF Facilities Within Protected Area

**Yuran Tawaran:**

BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran Dokumen**

(MINDEF SOR 2019):  
(Tidak Dikembalikan)  
BND500.00 satu set  
(dalam bentuk CD)\*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 5 Mei 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**

19 Mei 2026  
(Selasa)



**Rujukan Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2025 /  
GCAU / TL / TA / 8012

Permohonan Pembelian Boot DMS Black Bagi Kegunaan Anggota-Anggota Tentera Laut Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**

BND 10.00  
(Non-Refundable)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran,

iaitu

**Selasa,  
5 Mei 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**

Selasa  
12 Mei 2026.



**Rujukan Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2026 /  
NAU / LB / TA / 1002

Pembelian Meja Dan Kerusi Bagi Mes-Mes Pegawai Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**

BND 30.00  
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu

**Selasa,  
14 April 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**

Selasa,  
21 April 2026  
Jam 2.00 Petang





**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Jabatan Pentadbiran  
dan Kewangan  
Notis Sebut Harga**

**Bil. Sebut Harga:**  
JKR / DAF / UPF / JKRHQ  
KAFETERIA / 01 / 2026

**Tajuk Projek:**  
Sebut Harga Bagi  
Tawaran Penyewaan  
dan Pengurusan Kafeteria  
Di Atrium  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Airport Lama,  
Mukim Berakas,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam

**Kelas / Kategori:**  
Pengendalian Perkhidmatan  
Kafeteria / Kedai Makan  
Yang Berdaftar.

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Isnin, 20 April 2026  
Sebelum Jam 8.30 Pagi

**Yuran Dokumen  
Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
IV Sahaja

**Kategori:**  
K01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
28 April 2026  
(Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
12 Mei 2026 (Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 017 / 2026

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja  
Penyelenggaraan Kolam  
Takungan Di Daerah Belait Bagi  
Tempoh 36 Bulan.

**No. Projek:**  
2026ADKB/2106/002-003-008

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0004 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan, Penyediaan  
dan Penghantaran Jamuan  
dan Food Packs Sempena  
MYCE 2026 Bagi Acara  
Ekspedisi Di Ibu Pejabat  
Jabatan Perikanan Selama  
Empat (4) Hari Pada 2, 4 - 6 Mei  
2026 dan Acara Persidangan  
Di Universiti Brunei Darussalam  
Selama Enam (6) Hari Pada  
28 Mei, 30 Mei, 2 - 5 Jun 2026

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
30 April 2026



**Bilangan  
Sebut Harga:**  
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Edit, Design And  
Print The National  
Coral Reef Monitoring  
And Management  
Plan Booklet

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
30 April 2026



**Bilangan Dan Tajuk  
Sebut Harga:**  
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN /  
1 / 2026-2027  
Membekalkan Jamuan  
Bagi Mesyuarat-Mesyuarat  
Di Kementerian  
Sumber-Sumber Utama  
Dan Pelancongan Selama  
Sebelas (11) Bulan  
Bagi Tahun 2026

**Tarikh Buka Sebut Harga:**  
Khamis,  
26 Mac 2026

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Khamis,  
23 April 2026  
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Taklimat  
(Jika Berkenaan):**  
Khamis,  
26 Mac 2026

Jam Semasa waktu bekerja

**\*Jika terlepas tarikh taklimat  
boleh hubungi  
+673 2382136 ext 2408  
(Unit Hal Ehwal Kakitangan  
dan Korporat)**

**Yuran Setiap Satu  
Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara  
Dalam Talian



**UNISSA / SB0073  
/ 2025 / 2026**  
To Modify, Replace,  
Fabricate, Supply And  
Install The Signages For  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA) Gadong Campus  
[MOD Class: I & II Only]

**UNISSA / SB0074  
/ 2025 / 2026**  
Membekal Perkhidmatan  
Pemeliharaan Memotong  
Rumput Bagi  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA) Kampus Sinaut Tutong  
Selama Tujuh (7) Bulan  
[MOD Class: I & II Only]

**UNISSA / SB0075  
/ 2025 / 2026**  
Membekal Perkhidmatan  
Pemeliharaan Memotong  
Rumput Bagi  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
(UNISSA) Kampus Gadong  
Selama Sembilan (9) Bulan  
[MOD Class: I & II Only]

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
22 April 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan  
Keterangan Tawaran**  
Kontrak Bermusim  
Bagi Kerja-Kerja Pembersihan  
Bangunan (Cleaning Service)  
Bangunan Balai Bomba  
Jabatan Penerbangan Awam  
Bagi Tempoh  
2 Tahun (24 Bulan)  
AME / 2025-2026 / SH-70 / R  
(Kelas II atau ke atas)

**Bilangan dan  
Keterangan Tawaran**  
Term Contract For  
Two (2) Years Sewer Works  
Maintenance At Department  
of Civil Aviation  
AME / 2026-2027 / SH-06  
(Kelas II atau ke atas)

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran**  
Perkhidmatan / Pembekal  
Kontrak Bermusim  
bagi Kerja-Kerja  
Pembersihan Bangunan  
(Cleaning Service)  
Bangunan- Bangunan  
di Bawah Kawalan  
Jabatan Penerbangan Awam  
bagi tempoh 2 tahun  
(24 bulan)

AME / 2026-2029 / SH-07  
(Kelas II atau ke atas)

**Tarikh iklan / mengambil  
dokumen Sebut Harga:**  
Rabu,  
8 April 2026

**Tarikh terakhir mengambil  
dokumen Sebut Harga:**  
Selasa,  
21 April 2026,  
Tidak lewat jam  
2.00 Petang.

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Rabu,  
22 April 2026



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
JPE / LTK / MMD / 007 / 2026  
Provision Of Manpower:  
Discipline Maintenance  
Specialists For Department Of  
Electrical Services

**Tarikh Tutup:**  
21 April 2026  
Selasa  
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
Peti Tawaran  
Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lobi Utama, Aras 1,  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913

**Kelayakan / Open To :**  
Technical Consultancy /  
Firm registered with Brunei  
Darussalam Board of Architects,  
Professional Engineers and  
Quantity Surveyors  
(BAPEQS)  
Ministry of Development,  
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
27 / NOVEMBER / KKBS / BKBN /  
1.40 / 25

**Tajuk Sebut Harga:**  
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun  
Perkhidmatan Perlindungan  
Insurans Bagi Pelatih Program  
Khidmat Bakti Negara (PKBN)

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 23 April 2026





KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 42 / 2026 / SSBH (TC)

**Keterangan:**  
Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Atlas COPCO Medical Compressed Air And Associated Accessories At Block C, Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait For A Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**  
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan ATAU Kementerian Pembangunan

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 43 / 2026 / JPR (TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Housekeeping Services At Rimba Dialysis Centre, Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 44 / 2026 / JPR (TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Housekeeping Services At Tutong Dialysis Centre, Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND 100.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 45 / 2026 / UPP (TC)

**Keterangan:**  
Supply, Delivery Installation, Testing And Commissioning Of Ophthalmic Laser Photocoagulation System For Ophthalmology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 46 / 2026 / PPN (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Dental Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 47 / 2026 / PPN (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Local Anesthetic Cartridges For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 48 / 2026 / JPR (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Medical Consumable Item (Disinfectant For Haemodialysis Machines) For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 49 / 2026 / JPK (TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Cleaning Services And Grass Cutting Services For Berakas Health Centres For A Period Of Three (3) Years Department Of Health Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 50 / 2026 / ESTETMOH

**Keterangan:**  
Upgrading Works For Public Toilet At Ground Floor, Suri Seri Begawan Hospital Kuala Belait, Kementerian Kesihatan

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**  
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan DAN Kementerian Pembangunan

**Kelas/Kategori: -**  
**Kelas:** II dan III  
**Kategori:** B01, E01, KPB02 & KPB04

**Yuran Tawaran:**  
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 51 / 2026 / HTD

**Keterangan:**  
Provision Of Reusable Rhinolaryngoscope System For ENT Department, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 52 / 2026 / JPKAS (TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Cleaning Services For Health Screening Centre For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 53 / 2026 / PIHM(TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Food And Drink Vending Machines Services At Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Hospital Temburong For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 54 / 2026 / PIHM (TC)

**Keterangan:**  
The Cleaning Services For Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Hospital Temburong For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 56 / 2026 / ESTETRIPASH

**Keterangan:**  
Repair And Waterproofing Work At Specialist Building 1, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**  
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan

**Kelas/Kategori: -**  
**Kelas:** II  
**Kategori:** B01, KA01 dan/atau KPB02

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 10 / 2026 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services

Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 11 / 2026 / PHARM

**Keterangan:**  
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 28 April 2026



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**T / 001 / RBPf-HQ / 2026-S [024 / LOG / 2025 S]**  
To Supply And Delivery Of One (1) Unit Of Tractor For Launching / Retrieving Boat At Slipway And To Apply Anti-Corrosive Coating On All Metal Surfaces Of The Tractor, Police Marine Headquarters, Royal Brunei Police Force

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran**  
Selasa,  
21 April 2026  
Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Pemohon-pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

**Jawatan:**  
Pegawai Kewangan Kanan

**Tangga Gaji:**  
B.3 (BND3,880- BND4,240)

**Kekosongan:**  
1 Jawatan

**Tarikh Tutup:**  
23 April 2026



**PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**  
PPN / ASSET / BUU / CONTRACT / 2026 / 4 / 1  
Provision Of Security Guard Services For Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
21 April 2026



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**  
MTIC\_SH01-2026 / 2027  
Quotation For 'Website Migration & Redesign For Ministry Of Transport And Infocommunications (MTIC)'

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
22 April 2026  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dalam**

**Kelas:**  
Terbuka

**Kategori:**  
Terbuka

**Tarikh Buka Tawaran:**  
Sabtu,  
4 April 2026

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**  
Isnin,  
20 April 2026

**Tarikh dan Jam Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
21 April 2026  
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran dan Tajuk Projek:**  
KHEDN / LTK / 2026-04  
Kerja Menaiktaraf Royal Dais Bagi Daerah Belait

**Bilangan Projek:**  
KHEDN / UPE / 2106 / 13

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



# MAJLIS RUMAH TERBUKA TERUS DISEMARAKKAN



**PERSATUAN** Gerakan Ibu Tunggal semasa mengendalikan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri demi berkongsi detik kebahagiaan Hari Raya bersama para ibu tunggal dan juga anak-anak yatim (atas dan kiri).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Persatuan Gerakan Ibu Tunggal

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Keraian Hari Raya Aidilfitri di bulan Syawal meskipun ke minggu terakhir namun tetap dimeriahkan oleh umat Islam di negara ini dengan mengadakan Majlis Rumah Terbuka.

## Memupuk perpaduan harmoni, sejahtera penduduk kampung

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Aidilfitri adalah saat untuk kita saling bermaaf-maafan, mengeratkan hubungan kekeluargaan dan memperkukuh ukhuwah dalam masyarakat.

Justeru, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad, yang juga selaku Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri berharap agar pertemuan pada Majlis Sambutan Ramah Mesra Silaturahmi Aidilfitri Majlis Perundingan Mukim Mentiri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi menjadi titik tolak kepada hubungan yang lebih erat dan harmoni dalam kalangan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Berserumpun Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mukim Mentiri; dan vendor serta jemputan Santunan Kasih Berserumpun Pencinta Yatim Kawasan 4 RPN berkenaan.

Pada majlis sambutan yang diadakan baru-baru ini di Dewan Kemasyarakatan Kampung Mentiri, Awang Faidil Rosemady turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus mengunyah majlis berkenaan bermula dari peringkat perancangan, persediaan sehingga terlaksananya majlis yang penuh bermakna ini.

"Sesungguhnya, usaha, komitmen dan semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh ahli jawatankuasa, serta semua yang terlibat amatlah dihargai.

"Tanpa sokongan padu dan kerjasama yang erat, sudah tentu majlis yang

namun tetap dimeriahkan oleh umat Islam di negara ini dengan mengadakan Majlis Rumah Terbuka.



**SEKITAR** Majlis Sambutan Ramah Mesra Silaturahmi Aidilfitri Majlis Perundingan Mukim Mentiri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan bawah).

berkebajikan dan mengeratkan silaturahmi seperti ini tidak akan dapat direalisasikan dengan jayanya," ujarnya lagi.

Majlis yang berkonsepkan Santai Aidilfitri berkenaan juga diserikan lagi dengan persembahan nyanyian dan cabutan nama bertuah serta para hadirin juga disajikan dengan juadah dan hidangan pelbagai makanan dan minuman.

Apa yang diharapkan adalah ukhuwah yang terjalin dalam kalangan para penduduk kampung akan sentiasa kekal dalam memupuk perpaduan yang harmoni, aman damai dan sejahtera dalam menjalani kehidupan seharian.



Justeru itu, Persatuan Gerakan Ibu Tunggal (PGIT) juga tidak ketinggalan mengendalikan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri demi berkongsi detik kebahagiaan Hari Raya bersama para ibu tunggal dan juga anak-anak yatim berlangsung di kediaman Yang Dipertua (YDP) PGIT di Kampung Lambak Kanan di sini.

YDP PGIT, Dayang Kaipah binti Abdul Rahman dalam ucapannya menzahirkan rasa syukur dan seterusnya berterima kasih atas segala sokongan bagi sama-sama memeduli kebajikan PGIT.

Adanya acara anjuran seperti itu katanya, akan dapat mengeratkan lagi ukhuwah silaturahmi di samping mengadakan Aidilfitri dengan penuh ceria bersama para ibu tunggal dan anak yatim agar tidak berasa tersisih dan kita selalu

ada untuk mereka.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Selawat Tafriyyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Sufri bin Haji Moksini.

Kemudian majlis tersebut diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal yang kurang berkemampuan yang disampaikan oleh YDP PGIT.

Selain itu, acara juga menyaksikan penyampaian hadiah penghargaan kepada salah seorang Ahli PGIT yang paling *supportive* bagi tahun ini iaitu Dayang Hajah Rosinah binti Haji Jabidi.

Selain sajian makanan dan minuman yang dihidangkan, majlis diserikan dengan persembahan nyanyian Hari Raya dan cabutan bertuah kepada yang berjaya.



## NOTIS KEPADA AHLI-AHLI TAP

Notis ini adalah untuk ahli-ahli berikut:

- ✓ Ahli Skim Tabungan Perumahan yang telah membuat pengeluaran dan masih mempunyai baki dalam akaun.
- ✓ Ahli TAP/SCP berumur 56 tahun dan ke atas yang telah membuat pengeluaran dan masih mempunyai baki dalam akaun.



Imbas untuk senarai nama Ahli TAP

Ahli-ahli yang berkenaan atau wakil yang diberi kuasa (waris, pentadbir atau wakil sah) adalah diminta untuk menyemak senarai nama melalui kod QR yang disediakan. Pengeluaran boleh dibuat di cawangan TAP berdekatan ataupun secara online melalui e-Amanah (<https://eamanah.tap.com.bn>).

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

1. Salinan Kad Pengenalan Ahli ;
2. Salinan butiran/penyata Akaun Bank terkini;
3. Bagi ahli yang telah meninggal dunia; dokumen sah yang berkaitan (contoh: surat lantikan pentadbir).

### TAP Membantu

Ahli TAP yang tidak berkeupayaan dari segi mobiliti bolehlah memohon perkhidmatan TAP Membantu untuk membuat pengurusan pengeluaran dengan menghubungi 894 2929 (melalui WhatsApp) atau memohon menerusi kod QR yang disediakan.



Imbas untuk memohon perkhidmatan TAP Membantu



[www.tap.com.bn](http://www.tap.com.bn)



272 2929



[ask@tap.com.bn](mailto:ask@tap.com.bn)

## MEMUPUK PERPADUAN, KEHARMONIAN PENDUDUK KAMPUNG

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Menunggol



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Menunggol baru-baru ini mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam

suasana penuh meriah, bertempat di Dewan Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid (Sekolah Rendah NAR), Kampung Menunggol.

Majlis berkenaan diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat majlis, Guru Besar Sekolah Rendah NAR, Awang Haji Mahleyuddin bin Haji Metussin.

Turut hadir, Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram; serta Guru Besar Sekolah Agama NAR, Awang Haji Mantarais bin Haji Jais.

Ketua Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu, Awang Haji Ibrahim bin Haji Osman dalam ucapan menjelaskan, sambutan tahunan ini diadakan sebagai tanda kesyukuran dan kegembiraan sempena Hari Raya Aidilfitri di bulan Syawal yang mulia.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa majlis tersebut turut menjadi platform penting bagi penduduk kampung untuk berkumpul, beramah mesra dan mengeratkan hubungan silaturahim. Semangat kebersamaan jelas terpancar apabila para penduduk saling bertegur sapa, berkongsi cerita serta memperkukuhkan kerjasama



**SUASANA** Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Dewan Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampung Menunggol (atas dan kiri).

dalam komuniti.

Secara keseluruhan, sambutan berkenaan bukan sahaja memeriahkan suasana Hari Raya,

malah turut memperkukuh

perpaduan dan keharmonian dalam kalangan penduduk Kampung Menunggol.

## Memperkukuh ukhuwah Islamiah, memupuk semangat perpaduan



**ANJURAN** majlis seumpama berkenaan diharap dapat diteruskan lagi pada masa akan datang kerana majlis tersebut dapat memberi manfaat kepada komuniti serta menyemarakkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam suasana harmoni dan penuh keberkatan (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Brunei Darussalam-Indonesia Friendship Association**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Persatuan Brunei Darussalam-Indonesia Friendship Association (BRUDIFA) dengan kerjasama ahli jawatankuasa (AJK) takmir masjid telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda kesyukuran meraikan bulan Syawal serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli persatuan, jemaah masjid dan masyarakat setempat.

Majlis yang berlangsung dengan

penuh kemeriahan berkenaan diadakan di Bangunan The One Batu Satu Jalan Tutong, baru-baru ini.

Acara berkenaan dihadiri oleh Ahli-ahli Persatuan BRUDIFA, AJK takmir masjid, duta-duta jemputan khas dari Republik Filipina, Republik Indonesia, Thailand serta orang ramai.

Pelbagai pengisian menarik telah diadakan sepanjang majlis, antaranya jamuan Hari Raya dan

sesi ramah mesra. Suasana majlis juga dimeriahkan lagi dengan hidangan tradisional Hari Raya yang menggamit kenangan serta mencerminkan kepelbagaian budaya masyarakat di negara ini.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Persatuan BRUDIFA, Awang Haji Muhammad Hafiy bin Abdullah Fung selaku Pengerusi Majlis menjelaskan bahawa majlis seumpama berkenaan bukan sahaja menjadi platform untuk meraikan Aidilfitri, malah berperanan sebagai medium memperkukuh ukhuwah Islamiah serta memupuk semangat perpaduan dan kerjasama antara persatuan-persatuan di negara ini serta institusi masjid dan juga orang ramai.

Penganjuran majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan Persatuan BRUDIFA dan pada tahun ini, majlis tersebut dianjurkan bersama dengan AJK takmir masjid.

Anjuran majlis seumpama berkenaan diharap dapat diteruskan lagi pada masa akan datang kerana majlis tersebut dapat memberi manfaat kepada komuniti serta menyemarakkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam suasana harmoni dan penuh keberkatan.



## Patuhi papan tanda larangan berbasikal, gunakan laluan alternatif disediakan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Orang ramai, khususnya penunggang basikal diingatkan untuk mematuhi papan tanda larangan berbasikal yang kini mula dipasang di beberapa lebuhraya utama di negara ini sebagai langkah meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.

Pemasangan papan tanda berkenaan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama agensi berkaitan, susulan kebimbangan terhadap risiko kemalangan yang melibatkan penunggang basikal di laluan berkelajuan tinggi.

Antara laluan yang dikenal pasti tidak dibenarkan untuk aktiviti berbasikal termasuk Lebuhraya Muara-Tutong, Lebuhraya Rimba, Lebuhraya Tungku dan Tungku-Jerudong, Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah serta Lebuhraya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Laluan-laluan berkenaan dikategorikan sebagai jalan berkelajuan tinggi yang boleh mencecah had laju antara 70 hingga 100 kilometer sejam, sekali gus berisiko tinggi kepada keselamatan penunggang basikal.

Sehubungan dengan itu, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) turut mengenal pasti beberapa laluan alternatif yang lebih selamat untuk aktiviti berbasikal di setiap daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, laluan yang disediakan termasuk Jalan Perdana Menteri, Jalan Ong Sum Ping serta kawasan sekitar Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di samping laluan khas yang dibukakan pada waktu tertentu seperti Rabu malam sebagai projek rintis.

Sementara itu, di Daerah Tutong, laluan berbasikal dicadangkan di kawasan Bukit Bendera; manakala di Daerah Belait melibatkan laluan ke kawasan empangan (*cargo dam*) dan Jalan Labi; sementara di Daerah Temburong melibatkan Jalan Pekan Bangar.

Langkah berkenaan adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya di samping menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat dengan menyediakan persekitaran yang lebih selamat.

Selain itu, pihak berkenaan juga sedang meneliti cadangan bagi memperkukuh peraturan serta perundangan berkaitan, termasuk perancangan jangka panjang ke arah penyediaan laluan khas berbasikal yang lebih sistematik di negara ini.

Orang ramai adalah diseru untuk sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas dan papan tanda yang disediakan demi keselamatan bersama.



**PEMASANGAN** papan tanda berkenaan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama agensi berkaitan, susulan kebimbangan terhadap risiko kemalangan yang melibatkan penunggang basikal di laluan berkelajuan tinggi.

# OPERASI KAKAS KESAN PELBAGAI KESALAHAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Operasi Kakas JIPK 2026 terus giat dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam.

Satu operasi penguat kuasa undang-undang telah dilaksanakan yang mana menyasarkan kepada rumah-rumah sewa di Mukim Kilanas.

Hasil Operasi Kakas 31/2026 telah menahan seramai 10 warga asing dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Tujuh orang daripada warga asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah

Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mereka mansuh dan empat orang daripadanya turut gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen yang sah.

Sementara itu, seorang warga asing pula dipercayai melakukan dua kesalahan iaitu di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 kerana tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh dan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Tambahan itu, seorang lagi daripada warga asing berkenaan juga gagal untuk mengemukakan dokumen yang sah dan dipercayai

melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal, manakala seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 36, Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu kembali masuk ke negara ini secara haram setelah diusir.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, sila hubungi Talian Hotline Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



**SATU** operasi penguat kuasa undang-undang telah dilaksanakan yang mana menyasarkan kepada rumah-rumah sewa di Mukim Kilanas.

## Sentiasa pantau hal ehwal kebajikan pekerja



**BAHAGIAN** Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 90/2026 di kawasan Sengkurong (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 90/2026 di kawasan Sengkurong pada 8 April 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.


Pemeriksaan ke atas kegiatan yang berkaitan dengan perusahaan minyak dan gas telah mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap seramai 14 orang pekerja tempatan iaitu Bab 39(1) Majikan gagal membayar gaji pekerja tepat pada masa yang mana melebihi masa tujuh hari dari tempoh gaji yang kena dibayar dan Bab 64 Bekerja pada hari rehat.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta

Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 iaitu Majikan hendaklah membayar gaji pekerja tepat pada masa iaitu tidak lewat daripada tujuh hari daripada gaji kena dibayar dan bekerja pada hari rehat hendaklah dibayar ganda atau diganti cuti pada hari lain.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



## Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

### Mi Goreng ala Mamak Kampung Sungai Tanit, Temburong

**BAHAN-BAHANNYA :**

- 2 bungkus mi taitong
- 1 biji bawang besar (dihiris)
- 3 ulas bawang putih (diketuk)
- 2 sudu lada kisar
- 2 sudu sos tiram \*
- 2 sudu sos lada hitam \*
- 2 sudu kicap manis \*
- 1 sudu sos tomato \*
- 1 sudu rempah kari
- 1 sudu secukup rasa
- 10 ekor udang hidup
- 1 mangkuk sayur tauge
- 2 biji telur
- Minyak

**BAHAN UNTUK DIGORENG BERASINGAN :**

- 1 keping tauhu (potong dadu)
- 1 biji ubi kentang besar (potong dadu)

**CARA-CARA MEMASAK :**

Mi taitong dipatah dua terlebih dahulu kemudian masak air dengan 2 sudu makan minyak masak hingga mendidih setelah mendidih masukkan mi taitong, rebus sehingga masak lalu toskan.

Dalam kualiti tumiskan bawang besar dan bawang putih hingga

wangi. Masukkan udang lalu dikacau. Kemudian masukkan kesemua sos yang bertanda \* dan secukup rasa lalu kacau lagi. Setelah itu, masukkan mi dan goreng hingga merata. Pecahkan 2 biji telur di bawah mi dan gaulkan semula. Setelah itu masukkan sayur tauge lalu kacau rata dan akhir sekali masukkan sedikit bahan-bahan yang telah digoreng berasingan dan gaulkan merata.

Sudah siap taburkan kentang goreng dan tauhu goreng berkenaan di atas mi.



## Bermula minat bela haiwan, cetus idea buka mini zoo Ladang Beribi

■ Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**B**ERMULA dari hobi memelihara haiwan reptilia, kini Awang Md. Nabil bin Md. Raimey, 18 tahun dan berasal dari Kampung Beribi memberanikan diri membuka mini zoo yang terletak di Kampung Beribi dengan berkonsepkan *petting zoo*.

Awang Md. Nabil yang masih dalam lingkungan usia remaja sememangnya pencinta haiwan peliharaan dan haiwan pertama yang Awang Md. Nabil pelihara iaitu 'Naga Berjanggut' dan setelah bertahun-tahun menjaga haiwan tersebut dari sinilah juga munculnya minat yang mendalam Awang Md. Nabil terhadap haiwan terus meningkat.

Segalanya bermula dari hobi membela haiwan, sehingga jumlah haiwan yang dibela semakin bertambah maka terdetik di hati Awang Md. Nabil untuk membuka sebuah zoo bagi membolehkan orang ramai juga merasa dan memberi makan sendiri serta melihat pelbagai jenis haiwan di sini.

Mengimbas kembali awal tubuhnya mini zoo atau Ladang Beribi ini ia mula beroperasi pada Julai 2024 dan pada

mulanya ia adalah percuma ketika itu apabila hanya terdapat beberapa reptilia yang dipelihara.

"Di ladang Beribi, kami mempunyai sembilan spesies yang termasuk reptilia dan mamalia. Ladang Beribi hanya mengambil haiwan eksotik untuk diselamatkan dan tidak diingini. Kadang-kadang orang menawarkan haiwan peliharaan mereka yang mereka tidak lagi mahu, dan di situlah kami memainkan peranan kami untuk mencuba sedaya upaya untuk membantu menjaga dan merawat haiwan-haiwan tersebut. Penjagaan mereka pada dasarnya terdiri daripada memberi makan, membersihkan dan membuat pemeriksaan doktor haiwan," jelas Awang Md. Nabil.

Menurut Awang Md. Nabil lagi, ia mendapatkan haiwan-haiwan tersebut dari pelbagai negara luar dan merupakan spesies yang berbeza dari negara-negara yang berbeza seperti Australia, Amerika Selatan, Indonesia, dan Eropah.

Awang Md. Nabil juga menjelaskan kenapa ia memilih industri ini kerana ia bukan

industri yang biasa, terutama bagi belia tempatan di Negara Brunei Darussalam.

"Matlamat saya adalah membantu menyelamatkan dan menjaga haiwan eksotik, di samping mendidik orang ramai tentang haiwan-haiwan ini. Saya percaya ia mampu menyumbang kepada ekonomi negara dengan menyokong pendidikan, kebajikan haiwan, dan mewujudkan tarikan yang unik untuk penduduk tempatan dan pelawat, membantu mempelbagaikan sektor pelancongan negara dan membawa lebih banyak minat kepada kita masyarakat di Brunei," tambah Awang Md. Nabil lagi.

Walaupun Ladang Beribi atau mini zoo ini masih baru bertapak sejak ia dibuka, bilangan pengunjung yang telah melawat dan berkunjung ke sini telah mencapai lebih daripada 800 pengunjung terdiri dari pelbagai usia dan bangsa.

Jelas Awang Md. Nabil pula, Ladang Beribi terbuka kepada orang ramai yang berminat untuk melihat sendiri haiwan-haiwan yang terdapat di sini dan terdapat juga pengunjung dari negara luar seperti Singapura, Malaysia, Jepun dan Afrika dan di sini mereka dapat berkongsi minat bersama-sama dengan

pencinta haiwan, sedikit sebanyak dapat merencanakan aktiviti pelancongan dan pertumbuhan ekonomi penduduk setempat.

Ladang Beribi ini juga sering mendapat lawatan dari murid-murid peringkat rendah terutamanya ketika waktu cuti sekolah. Kegiatan mereka ini yang diiringi oleh guru-guru pengawas memberikan pengalaman yang menyeronokkan apabila mereka ini dapat memegang dan membelai binatang eksotik ini di samping memberi makan dengan pengawasan.

Sebelum mengakhiri temu bual bersama Awang Md. Nabil, beliau juga turut memberikan nasihat kepada belia-belie di luar sana untuk melakukan sesuatu yang mereka suka asalkan ianya memberikan faedah kepada diri sendiri dan negara selain untuk tidak mendengar cakap orang lain yang bertujuan untuk memadamkan semangat kita sebaliknya mengikuti sahaja minat awda. Tiada yang mustahil jika awda bersedia untuk mencuba. Walau sesukar mana pun, selalu ada jalan penyelesaian.

Bagi awda yang ingin untuk berkunjung ke Ladang Beribi atau Beribi Ranch, awda boleh melayari Instagram *nabs.wildlife*.





## Jaga keselamatan anak semasa dalam kenderaan

Oleh : Norliah Md. Zain

Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh

**A**PABILA kita menaiki kereta, secara umumnya penggunaan tali pinggang keselamatan adalah perlu bagi mengurangkan risiko kemalangan. Bagi golongan tertentu, ada ciri-ciri keselamatan yang perlu dititikberatkan terutama golongan kanak-kanak iaitu penggunaan kerusi keselamatan (*child seat*).

Di Negara Brunei Darussalam di bawah akta Road Traffic Act (Chapter 68) Road Traffic (Seat Belts for Children) Regulation telah dinyatakan bahawa 'Subject to sub-regulation (2), any person who, without reasonable excuse, drives a motor vehicle on a road when there is in that vehicle a child who is not using a seat belt is guilty of an offence' atau ringkasnya, adalah menjadi satu kesalahan pemandu jika didapati kanak-kanak tidak dipakaikan tali keledar keselamatan.

Kerusi keselamatan kanak-kanak adalah ciri keselamatan tambahan yang terbukti mampu melindungi nyawa penumpang kecil dan ia tidak boleh dipandang ringan. Setiap ciri keselamatan yang diperkenalkan mempunyai fungsi dan kebaikan tersendiri.

Anak damit berumur di bawah 12 bulan ke bawah hendaklah didudukkan ke tempat kerusi keselamatan khusus bagi anak damit dan kerusi berkenaan hendaklah menghadap ke belakang kereta dan diikat ke kerusi asal kereta.

Untuk kanak-kanak berumur satu hingga tiga tahun pula, mereka juga masih duduk di kerusi keselamatan khusus menghadap belakang kereta sehingga mencapai tahap ketinggian dan berat badan maksimum (sila periksa manual kerusi keselamatan masing-masing).

Setelah anak awda melimpasi tahap ketinggian tersebut anak awda bersedia untuk duduk menghadap ke hadapan kereta dengan menggunakan kerusi keselamatan khusus yang diikat dengan tali *harness*. Tali *harness* ialah sistem tali keselamatan khas yang digunakan untuk memegang dan melindungi badan kanak-kanak dengan lebih selamat dalam kerusi keselamatan. Tali *harness* itu penting bagi mengurangkan risiko hentakan jika berlaku kemalangan, mengurangkan pergerakan anak supaya tidak tercampak ke depan dan ia lebih selamat berbanding tali pinggang biasa untuk kanak-kanak kecil. Ia juga bagi memastikan anak kekal di tempatnya dan dilindungi sebaik mungkin semasa perjalanan.

Kerusi kanak-kanak yang berumur empat hingga tujuh tahun boleh menghadap ke hadapan dengan diikat tali *harness* dan kerusi keselamatan khusus akan ditukar kepada kerusi *booster* dan diletakkan di bahagian belakang kereta untuk lebih selamat.

Kanak-kanak yang berumur lapan hingga 12 tahun hendaklah menggunakan kerusi *booster* sehingga badan mereka cukup besar untuk didudukkan di kerusi kereta.

Kerusi *booster* ialah tempat duduk khas untuk kanak-kanak yang digunakan dalam kereta untuk meninggikan posisi mereka, supaya tali pinggang keledar biasa boleh dipakai dengan betul dan selamat. Biasanya ia digunakan untuk kanak-kanak yang sudah terlalu besar untuk kerusi keselamatan kanak-kanak dengan tali *harness* tetapi masih belum cukup tinggi untuk menggunakan tali pinggang keledar biasa dengan selamat.

Apabila sampai masanya, pastikan kanak-kanak memakai tali pinggang keledar dengan betul.

### Kesedaran

Kesedaran mengenai pentingnya penggunaan kerusi keselamatan masih rendah, walaupun orang ramai sudah mula tahu tentang kepentingannya. Pemikiran 'jalan dekat saja' dan 'pegang saja anak cukup' sepatutnya dijauhkan.

Ada juga alasan anak menangis dan tidak mahu duduk sendiri dan juga kereta kecil ada ramai penumpang, membuatkan ada yang berfikir penggunaan kerusi keselamatan tidak perlu.

Fungsi kerusi tersebut adalah untuk mengurangkan risiko kecederaan parah kepada kanak-kanak andai kata berlakunya kemalangan di jalan raya.

Kerusi keselamatan yang digunakan juga hendaklah mengikut piawai yang ditetapkan dan dalam bentuk yang sesuai. Ini kerana kerusi keselamatan mempunyai pelbagai kategori dan jenis mengikut kesesuaian umur, saiz dan keperluan perkembangan anak-anak.

Dengan penggunaan kerusi keselamatan ini, keselamatan anak-anak yang masih kecil akan menjadi lebih terjamin terutamanya ketika berada dalam kereta yang sedang bergerak.

### Terapkan pengetahuan

Bagi kanak-kanak yang lebih besar, seeloknya ibu bapa perlu menerapkan didikan bahawa tali pinggang keledar wajib dipakai sepanjang dalam kereta walau apa jua sekalipun.

Meskipun masih kanak-kanak, mereka seharusnya tahu keselamatan asas mengenai kepentingan memakai tali pinggang keledar sepanjang perjalanan dan akibat sekiranya tidak memakai tali pinggang keledar ketika berada dalam kereta yang sedang bergerak.

Perlu diketahui, kanak-kanak yang berumur antara empat hingga lapan tahun

dikatakan lebih cenderung untuk mengalami kecederaan di dalam kereta berbanding dengan kanak-kanak yang di bawah empat tahun. Mungkin saja ramai ibu bapa cenderung mengabaikan keselamatan kanak-kanak yang sudah besar.

Setiap satu tali pinggang keledar memang dikhaskan untuk seorang pengguna saja. Walaupun saiz si kecil dilihat boleh berkongsi satu tali pinggang keledar, tapi hakikatnya ia tidak dibenarkan dan boleh membahayakan keselamatan mereka.

Kanak-kanak perlu tahu cara-cara memakai tali pinggang keledar yang sebenar agar mereka tidak tersalah faham atau terima amalan pembelajaran yang tidak selamat dan lebih membimbangkan adalah sekiranya diterapkan pula di masa-masa hadapan nanti.

Mereka perlu menggunakan tali pinggang keledar dengan sempurna terutamanya bukan dengan cara menyelit tali pinggang di bawah ketiak mereka meskipun itu adalah cara yang paling selesa bagi mereka.

Kanak-kanak di bawah umur 13 tahun juga disaran untuk sentiasa duduk di kerusi belakang.

Hal ini adalah untuk melindungi mereka daripada segala kemungkinan kecederaan sekiranya beg udara yang berada di sisi penumpang terbuka.

Walaupun beg udara berfungsi sebagai alat keselamatan pasif untuk mengurangkan risiko kecederaan semasa kemalangan berlaku, tapi ia mampu untuk mencederakan mereka sekiranya mereka duduk di bahagian kerusi hadapan.

Anak-anak juga perlu dididik untuk duduk dengan tenang semasa berada dalam kenderaan, terutama ketika berada dalam kereta yang sedang bergerak.

Sekiranya mereka melompat atau menjerit tanpa kawalan, ia boleh mengganggu pemandu dan meletakkan semua penumpang dalam keadaan yang berisiko. Hal ini kerana, situasi di jalan raya sentiasa berubah dan sukar dijangka.

Malah aksi anak bergayut pada stereng kereta atau bersandar pada tingkap atau mengeluarkan kepala dari tingkap kenderaan pun boleh bertukar menjadi risiko yang membahayakan.

Oleh itu, ibu bapa dan penjaga disaran untuk sentiasa mengawasi anak-anak dengan rapi, duduk dengan betul dan jangan lupa pakai tali pinggang keledar sepanjang berada dalam kenderaan.

Janganlah kita menganggap harga kerusi keselamatan itu mahal sedangkan harganya jauh lebih murah daripada risiko nyawa anak-anak awda. Ketahuilah bahawa penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak dapat mengurangkan risiko kematian sehingga 50 peratus hingga 80 peratus dan juga mengurangkan risiko kecederaan dari 71 peratus hingga 82 peratus.

Tanpa penggunaan kerusi keselamatan anak-anak boleh tercampak keluar dari kenderaan, terhentak pada *dashboard* atau sesak nafas dalam posisi salah.

Oleh itu penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak adalah penting bagi keselamatan mereka.



# SOAS4E81 ANJUR MAJLIS HARI RAYA

## Berita dan Foto : Ihsan Kumpulan SOAS4E81

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 14 April. – Kemeriahan Aidilfitri terus disemarakkan dan diraikan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu, Kumpulan SOAS4E81 bersama ahli keluarga juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Hari Raya Aidilfitri berlangsung di Tarindak D'Seni.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil dan doa yang dipimpin oleh Awang Haji Abas bin Awang Haji Tuah serta bacaan Surah Yaa Siin oleh Awang Haji Mat Dayang bin Ramli khusus untuk sahabat-sahabat yang telah meninggalkan dunia.

Kehadiran anak-anak menambahkan lagi kehangatan dan kegembiraan sepanjang hari tersebut. Pertemuan ini bukan

sekadar merayakan Hari Raya tetapi juga sebagai pengingat akan erti ukhuwah dan silaturahmi yang kekal sepanjang zaman.

Hari Raya Aidilfitri ini diisi dengan penuh keberkatan dan kehangatan kekeluargaan dan dalam suasana penuh keikhlasan dan kasih sayang. Ia memberikan makna mendalam kepada semua yang hadir dan akan berterusan untuk memperkukuh hubungan dan ukhuwah pada masa hadapan.

Semoga momen bersejarah ini terus mempererat ikatan silaturahmi dan membawa keberkatan kepada semua.

**SEKITAR** Majlis Hari Raya Aidilfitri anjuran Kumpulan SOAS4E81 yang telah mengambil tempat di Tarindak D'Seni.



## Eratkan silaturahmi, kukuhkan ukhuwah

### Berita dan Foto : Ihsan Keluarga DaMai



**SESI** bergambar ramai pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447H/2026M yang telah diadakan oleh Keluarga Pengiran Haji Damit dan Pengiran Maimunah di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, Bengkurong. Majlis dimeriahkan dengan acara-acara menarik seperti pertandingan menepih sinjang, kuiz raya dan pelbagai acara lagi.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 13 April. – Keluarga Pengiran Haji Damit dan Pengiran Maimunah (Keluarga DaMai) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447H/2026M di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, Bengkurong bertujuan untuk terus mengeratkan silaturahmi dan kukuhkan ukhuwah dalam kalangan semua ahli keluarga DaMai.

Majlis diisi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Muhammad Khalifatur Rashideen bin Muhammad Hazmi dan terjemahannya dibacakan oleh Awangku Naufal Adli bin Pengiran Amiruddin.

Wakil keluarga DaMai, Pengiran Mohd. Suhaidi bin Pengiran Tejudin dalam ucapannya merakamkan kesyukuran majlis sambutan hari raya tahun ini mengeratkan lagi tali silaturahmi, kukuhkan kasih sayang dan menambah keberkatan dalam institusi keluarga DaMai.

Sikap menyantuni dan menghargai satu sama lain, saling memaafkan dan mengingati bahawa institusi keluarga adalah anugerah yang tidak ternilai harganya lebih-lebih lagi mendidik dan mengasuh anak-anak yang dipanggil Generasi Alpha. Generasi ini dikenal sebagai Digital Native sejati yang tumbuh besar dengan teknologi canggih seperti *smartphone* dan Kecerdasan Buatan (AI) baru-baru ini.

Generasi Alpha memiliki karakteristik masing-masing dan dari segi pengasuhan, agama Islam memiliki model secara umum untuk disesuaikan dengan usia masing-masing.

Misalnya usia 0-7 tahun dididik dengan cara bermain, 7-14 tahun dididik dengan menanam budaya sopan santun dan disiplin, seterusnya mengajak anak-anak bertukar fikiran untuk menentukan hal yang baik dan buruk sesuai

dengan didikan dan ajaran-ajaran Islam dan sunnah Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Generasi sebelum ini hendaklah menjadi *uswatun hasanah* atau contoh yang baik, perilaku penggunaan teknologi secara disiplin dan bijaksana supaya anak-anak akan terbentuk dengan baik dan berakhlak mulia. Seterusnya, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Awangku Ilyas Darwisy bin Pengiran Amiruddin diikuti sesi bergambar ramai dan menikmati makanan Hari Raya.

Majlis turut dimeriahkan dengan acara-acara menarik seperti pertandingan menepih sinjang, kuiz raya, cabutan bertuah dan pertukaran hadiah adik-beradik serta pemberian duit raya kepada kanak-kanak keluarga DaMai. Majlis berakhir dengan doa penutup dibacakan oleh Pengiran Md. Sallehin bin Pengiran Tejudin.



# ALAI PINTAR

## SOALAN 15 APRIL 2026, RABU

### SOALAN 171

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Apakah habitat bagi ikan?
  - a) Pokok
  - b) Air
  - c) Rumah
2. Pilih perkataan yang berlawanan maksud dengan perkataan 'berani'.
  - a) Lemah
  - b) Takut
  - c) Malas
3. 1 jam 50 minit bersamaan dengan?
  - a) 100 minit
  - b) 110 minit
  - c) 105 minit

TARIKH TUTUP : 25 APRIL 2026

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 

<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;</li> <li>- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan</li> <li>- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.</li> </ul>
--	---
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....

Tarikh Lahir : .....

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....

Sekolah : .....

Tahun : .....

Alamat : .....

Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

### PEMENANG ALAI PINTAR 170 :

Nama : Muhd. Rayyan Muhaimin bin Muhd. Syahmi  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 025117-13. Sekolah : Sekolah Rendah Kuala Belait

Nama : Siti Nurul Wafiyah Qaisarah binti Kamsani  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0133497-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin

Nama : Aida Adriana binti Moryamin  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0122220-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 170

1. C - 12
2. C - Ali membaca dan menulis
3. C - Mengidul bau

# BENCANA ALAM DI NEPAL RAGUT 496 NYAWA



**KATHMANDU, 14 April.** - Seramai 496 orang maut dalam pelbagai bencana alam di Nepal dalam tempoh 12 bulan lepas, dari 14 April 2025 hingga 13 April 2026, menurut sebuah agensi kerajaan pada Isnin, lapor Xinhua.

Dalam laporan tahunannya,

Pihak Berkuasa Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan berkata kebakaran mencatatkan jumlah kematian tertinggi iaitu 106 orang, diikuti oleh 101 kematian akibat patukan ular dan 76 mangsa akibat tanah runtuh.

Pihak berkuasa itu menyatakan

bahawa kebakaran bukan sahaja menyebabkan jumlah kematian tertinggi, malah turut mengakibatkan kecederaan paling banyak serta kemusnahan harta benda yang besar.

Menurut laporan itu, seramai 1,991 orang cedera dalam 7,716 insiden pelbagai bencana

sepanjang tempoh berkenaan.

Seramai 38 orang lagi masih dilaporkan hilang, manakala

13,693 keluarga terjejas secara langsung akibat bencana alam itu. - ©BERNAMA

## Individu berdiet lebih luang masa tonton kandungan tentang makanan segera

**LONDON, 14 April.** - Individu yang sedang berdiet meluahkan masa lebih lama untuk menonton kandungan mengenai makanan segera di media sosial, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa), memetik kajian.

Penyelidikan baharu diketuai Universiti Bristol itu mendapati mereka yang berdiet mungkin menghabiskan lebih banyak masa melihat video makanan berkalori tinggi berbanding mereka yang tidak berdiet.

Dr. Esther Kang, pensyarah dalam pemasaran dan pengarang utama kajian itu, berkata individu yang cuba mengawal diet mereka mungkin menggunakan

kandungan makanan visual sebagai cara untuk memuaskan keinginan.

Walaupun peserta yang berdiet dalam kajian itu mungkin menghabiskan lebih banyak masa melihat video makanan tidak sihat, mereka makan kurang daripada yang individu tidak berdiet apabila dihadang dengan makanan sebenar.

Kang berkata: "Ia mungkin kedengaran berlawanan dengan intuisi, tetapi penemuan kami menunjukkan bahawa individu, terutamanya mereka yang cuba mengawal diet mereka, boleh menggunakan kandungan

makanan visual sebagai alat pengawalan diri.

"Melibatkan diri dengan imej makanan boleh membantu memuaskan keinginan tanpa penggunaan sebenar.

"Dalam persekitaran digital hari ini yang kandungan makanan sangat mudah diakses, jenis penglibatan visual ini mungkin menawarkan cara yang mudah dan tidak invasif untuk membantu matlamat pemakanan".

Penyelidikan itu melibatkan 840 peserta berumur 19 hingga 77 tahun, menggabungkan dua tinjauan dalam talian dan satu kajian makmal terkawal. - ©BERNAMA

## Republik Korea uji teknologi bandar pintar berasaskan AI di Asia Tenggara

**SEOUL, 13 April.** - Republik Korea akan melaksanakan projek perintis bagi menguji teknologi bandar pintar berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) di lima negara Asia Tenggara termasuk Malaysia, bagi membantu menangani cabaran bandar serta menyokong peluasan global syarikat domestiknya, kata Kementerian tanah Republik Korea pada Isnin.

Menurut Agensi Berita Yonhap, kementerian itu berkata pihaknya telah memilih enam projek untuk dilaksanakan di lima negara di bawah program K-City Network 2026, iaitu inisiatif yang

menyokong penerapan projek bandar pintar tempatan.

Di Brunei, platform bandar pintar berasaskan AI akan diuji bagi menambah baik pengurusan air dan respons bencana, manakala sistem pengurusan trafik pintar akan membantu mengoptimalkan isyarat lalu lintas di Bacoor, Republik Filipina.

Projek di Republik Sosialis Viet Nam pula akan membantu memperkenalkan perkhidmatan pengangkutan atas permintaan di Ho Chi Minh City serta melaksanakan sistem kawalan persimpangan pintar berasaskan AI di Can Tho bagi melancarkan

aliran trafik.

Projek lain termasuk pelaksanaan penyelesaian pengurusan keselamatan bagi bangunan usang di Surin, Thailand, serta penggunaan sistem pengurusan trafik di Pulau Pinang, Malaysia, untuk mengesan kemalangan dan kesesakan.

Kementerian itu berkata program berkenaan dijangka membantu mengesahkan keberkesanan teknologi pintar Korea di pasaran luar negara, selain membuka peluang bagi eksport dan pelaburan. - ©BERNAMA

## 30 maut dalam rempuhan di kubu kota Laferriere Haiti

**MEXICO CITY, 13 April.** - Sekurang-kurangnya 30 orang terbunuh dalam rempuhan pada hujung minggu di kubu puncak gunung di utara Haiti yang popular dalam kalangan pelancong, lapor Anadolu Ajansi.

Insiden di Tapak Warisan Dunia UNESCO Citadelle Laferriere berlaku semasa perayaan tahunan yang menarik kehadiran ramai pelancong tempatan dan antarabangsa.

Menteri Kebudayaan Emmanuel Menard berkata hujan lebat digabungkan dengan kesesakan menyebabkan orang ramai saling merempuh dan lemas.

Dalam kenyataan akhbar, Menard mengesahkan 13 mayat ditemui di destinasi pelancongan itu manakala 17 lagi telah dibawa ke hospital berdekatan.

Bagaimanapun, jumlah kematian yang disahkan mungkin meningkat dalam beberapa jam akan datang berikutan jumlah orang hilang yang dilaporkan adalah tinggi.

Beliau berkata mangsa yang cedera sedang menerima rawatan perubatan dan pasukan penyelamat sedang mencari mereka yang hilang.

Menard juga berkata pasukan keselamatan telah dikerahkan untuk mengamankan kawasan itu

dan semua lawatan ke kubu tersebut akan ditangguhkan dalam beberapa minggu akan datang.

Kerajaan Perdana Menteri Alix Didier Fils-Aime merakamkan ucapan takziah atas kehilangan nyawa, menyampaikan simpati kepada mangsa dan keluarga mereka serta menggesa orang ramai supaya bertenang.

"Semua pihak berkuasa yang berkaitan digerakkan sepenuhnya dan dalam keadaan berjaga-jaga untuk memberikan bantuan segera, penjagaan dan sokongan yang diperlukan kepada mereka yang terjejas dan orang tersayang mereka," menurut kenyataan akhbar itu. - ©BERNAMA

## Semeru meletus 2 kali, aliran piroklastik menjangkau 3km

**JAKARTA, 14 April.** - Gunung Semeru di Republik Indonesia, yang terletak di sempadan Kabupaten Lumajang dan Malang di Jawa Timur, meletus dua kali pada pagi Selasa, mengeluarkan aliran piroklastik sejauh tiga kilometer (km) dari puncaknya.

Menurut pegawai Pos Pemerhatian Gunung Semeru Sigit Rian Alfian, letusan pertama berlaku pada 5.22 pagi waktu tempatan, menghasilkan tiang abu mencecah kira-kira 1,500 meter (m) di atas puncak atau 5,176m dari paras laut.

Beliau berkata tiang abu berwarna kelabu dan tebal, melayang ke arah barat, manakala rakaman seismik menunjukkan amplitud maksimum 20 milimeter dalam tempoh tiga minit 23 saat.

"Letusan itu disertai dengan aliran piroklastik yang bergerak sejauh tiga kilometer ke tenggara," katanya, menurut Agensi Berita ANTARA, pada Selasa.

Sigit berkata puncak tertinggi di Pulau Jawa itu meletus semula pada 6.03 pagi dengan tiang abu menjulang kira-kira 1,000m di atas puncak, terapung ke arah barat daya.

Beliau berkata gunung berapi itu kekal pada Tahap Amaran III dan penduduk dilarang melakukan sebarang aktiviti di sektor tenggara sepanjang Besuk Kobokan dalam radius 13km dari pusat letusan.

Tambahnya, masyarakat di luar zon larangan dinasihatkan mengelak kawasan dalam lingkungan 500m dari tebing sungai di sepanjang Besuk Kobokan kerana risiko aliran piroklastik dan lahar menjangkau hingga 17km dari puncak. - ©BERNAMA

## Siklon Maila ragut 11 nyawa di Papua New Guinea

**SYDNEY, 13 April.** - Siklon Maila mencetuskan kejadian banjir dan tanah runtuh di Papua New Guinea, mengorbankan sekurang-kurangnya 11 nyawa, dengan wilayah autonomi Bougainville antara kawasan yang paling teruk terjejas, menurut pegawai dan media tempatan pada Isnin, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Ribut itu mabadai kawasan pesisir sehingga memusnahkan seluruh kampung pada Khamis.

Lapan orang maut dalam kejadian tanah runtuh pada waktu malam apabila sebuah rumah tertimbus, menurut akhbar Post Courier memetik pihak berkuasa.

Penyiar awam Papua New Guinea, NBC, melaporkan anggaran awal menunjukkan lebih 10,000 orang terjejas, manakala hampir 20,000 lagi memerlukan bantuan segera di seluruh Bougainville.

Penduduk memberitahu penyiar Australia, ABC, bahawa mangsa yang terkorban termasuk kanak-kanak dan dua wanita hamil.

Ramai penduduk hilang tempat tinggal, manakala jalan raya dan jambatan turut musnah, sekali gus menjejaskan bekalan makanan.

Sekolah dijangka terus ditutup sepanjang minggu ini.

Perdana Menteri James Marape berkata usaha untuk sampai ke komuniti terpencil masih berdepan kesukaran, ketika laporan kerosakan terus diterima.

"Kami akan memastikan bantuan sampai ke setiap tempat, setiap pulau dan setiap komuniti yang terjejas," katanya.

Beliau juga berkata penghantaran bantuan termasuk makanan, air minuman dan perlindungan kecemasan telah diatur.

Kepulauan Solomon turut dilanda ribut, dengan kawasan pulau terpencil itu mengalami kerosakan ketara.

Australia berjanji menyalurkan bantuan kewangan kepada kedua-dua negara, dengan Menteri Luarnya Penny Wong berkata Australia bersama-sama negara jirannya.

Maila bergerak merentasi Laut Solomon dengan tiupan angin mencecah hampir 300 kilometer sejam dan diklasifikasikan sebagai siklon Kategori 5 sebelum menjadi lemah. - ©BERNAMA

## Arab Saudi lancar pas memasuki Mekah elektronik bagi 1447H

**RIYADH, 13 April.** - Direktorat Am Pasport mengumumkan permohonan elektronik untuk permit memasuki Mekah dibuka kepada pekerja pemastautin pada musim haji ini (1447H/2026M), lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Dipermudah menerusi penyepaduan teknikal dengan perkhidmatan 'Makkah Entry Permit' permohonan boleh dihantar melalui portal 'Absher' dan 'Muqem', sekali gus menghapuskan sepenuhnya keperluan untuk pergi ke pejabat pasport.

Platform 'Individu Absher' dikhususkan untuk pengeluaran permit bagi warga Majlis Kerjasama Teluk (GCC) iaitu warga Bahrain, Kuwait, Kesultanan Oman, Qatar, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, pemegang Residensi Premium, pelabur, ibu, pekerja domestik dan ahli keluarga bukan Arab Saudi.

Sementara itu, portal 'Muqem' menyediakan perkhidmatan kepada pekerja pertubuhan yang berpangkalan di Mekah dan mereka yang mempunyai kontrak pekerjaan dengan pertubuhan tersebut semasa musim haji. - ©BERNAMA



## DPMM FC, NSFC TERIKAT 2-2

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Tangkap Layar RTBGo



ANTARA aksi yang dipaparkan semasa persaingan sengit di antara Negeri Sembilan FC dan DPMM FC pada Perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang telah mengambil tempat di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Negeri Sembilan, Malaysia (kiri dan kanan).

**MALAYSIA**, Isnin, 13 April. - Perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 antara Negeri Sembilan FC (NSFC) dan DPMM FC malam tadi berakhir dengan keputusan seri, 2 - 2 dalam aksi yang berlangsung di Stadium Tuanku Abdul Rahman, di sini.

Pasukan tuan rumah, NSFC membuka jaringan terlebih dahulu pada minit ke-31

menerusi Takumi Sasaki yang berjaya memanfaatkan peluang untuk meletakkan pasukannya di hadapan.

Namun, DPMM FC bangkit pada separuh masa kedua apabila Christian Irobiso menyamakan kedudukan pada minit ke-47.

Momentum pasukan pelawat diteruskan apabila Muhammad Hakeme Yazid Said

menjaringkan gol kedua DPMM FC pada minit ke-61 yang meletakkan mereka di hadapan, 2 - 1.

Bagaimanapun, NSFC tidak mengalah dan terus melancarkan serangan bagi mencari gol penyamaan. Usaha mereka akhirnya berhasil pada minit ke-74 apabila Joseph Esso menjaringkan gol bagi mengikat kedudukan 2 - 2.

Kedua-dua pasukan terus mencuba untuk mencari gol kemenangan menerusi baki perlawanan, namun keputusan kekal hingga wisel penamat dibunyikan.

Keputusan seri itu menyaksikan NSFC kekal di kedudukan keenam liga dengan 23 mata, manakala DPMM FC di tangga kelapan dengan 22 mata.

## Kasuka FC menang bergaya



**KEMENANGAN** milik Kasuka FC apabila beroleh lima jaringan berlawanan dengan satu jaringan oleh pihak lawan iaitu MS PPDB pada perlawanan Liga Super Brunei bagi Musim 2025 / 2026.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BERAKAS**, Isnin, 13 April. - Liga Super Brunei bagi Musim 2025 / 2026 (Brunei Super League - BSL) baru-baru ini telah

menyaksikan perlawanan antara MS PPDB menentang Kasuka FC bertempat di Padang Kompleks Sukan

Berakas.

Pada perlawanan berkenaan, Kasuka FC berjaya menewaskan MS PPDB dengan jaringan 5 - 1.

Gol pertama Kasuka FC dijaringkan oleh Pedro Conceicao Alves pada minit ke-16, manakala gol kedua pula dijaringkan oleh Muhd. Haziq Naquiddin Syamra pada minit ke-33 sementara gol ketiga pula diperolehi pada minit ke-40 menerusi Awangku Mohammad Syafiq Hilmi Pengiran Mohammad Shahrom.

Kasuka FC terus mendominasi perlawanan apabila berjaya menambah dua lagi gol pada minit ke-45 dan ke-75, masing-masing melalui Muhammad 'Afi Aminuddin dan Mohammad Helmi Haji Zambin.

Sementara pada separuh masa kedua, kedua-dua pasukan bermain dengan lebih berhati-hati dengan sesekali turut melakukan serangan yang baik sehingga MS PPDB berjaya menjaringkan gol tunggal mereka pada minit ke-88 melalui Abdul Azim Abdul Rasid.

Kedudukan jaringan 5 - 1 kekal hingga wisel penamat dibunyikan.

## NBD akan sertai Sukan Pantai Asia Ke-6

Siaran Akhbar : Jabatan Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 April. - Negara Brunei Darussalam akan menyertai Sukan Pantai Asia Ke-6 (6th Asian Beach Games Sanya 2026) yang akan diadakan pada 22 hingga 30 April 2026 di Sanya, Republik Rakyat China.

Sehubungan itu, seramai lapan orang terdiri daripada empat atlet (tiga lelaki dan seorang perempuan) bagi acara Olahraga Pantai (Beach Athletics) dan Teqball Pantai (Beach Teqball), seorang Chef de Mission dan tiga pegawai mewakili negara bagi acara tersebut.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERIKAN PERHATIAN, KASIH SAYANG DAN DORONGAN KEPADA ANAK YATIM